DEWAN UNDANGAN NEGERI
PERPUSTAKAAN
NEGERI PULAU PINANG.

# BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KETIGA BAGIPENGGALYANGKEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELAPAN YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 - 11, 14 - 16 DISEMBER 1992

BIL: PSUK/PP/007.1.55

# MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAL YANG KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KELAPAN YANG AKAN BERMULA PADA 7 DISEMBER 1992 (HARI ISNIN) JAM 9.30 PAGI BERTEMPAT DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG

---

## SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. **DOA.**

2. **PENGUMUMAN OLEH Y.B. DATO' SPEAKER.**

3. **PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH:**

| | | |
|---|---|---|
| Bil. 10 Tahun 1992 | - | Belanjawan Negeri Pulau Pinang : Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi Tahun 1993. |
| Bil. 11 Tahun 1992 | - | Belanjawan Negeri Pulau Pinang : Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1993. |
| Bil. 12 Tahun 1992 | - | Senarai Perjawatan di jabatan-jabatan dalam Anggaran Perbelanjaan Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1993. |
| Bil. 13 Tahun 1992 | - | Negeri Pulau Pinang : Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi Bagi Tahun 1993. |
| Bil. 14 Tahun 1992 | - | Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang Tahun 1990. |
| Bil. 15 Tahun 1992 | - | Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 1990. |
| Bil. 16 Tahun 1992 | - | Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Tahun 1991. |

Bil. 17 Tahun 1992 - Laporan Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 1990.

Bil. 18 Tahun 1992 - Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 1989.

4. **SOALAN-SOALAN:**

(A) **SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MENDAPATKAN JAWAPAN-JAWAPAN LISAN DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI:**

**Y.B. Dr. Teng Hock Nan (Ahli Kawasan Kebun Bunga):-**

1. (a) (i) Apakah rancangan pengindahan yang telah disediakan untuk kawasan bersiar-siar di tepi pantai *(promenade)* Gurney Drive oleh Kerajaan setelah penjaja-penjaja di situ berjaya ditempatkan semula ke suatu tapak baru?

(ii) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk meningkatkan kawasan bersiar-siar di Gurney Drive bagi membolehkan orang ramai menikmati suasana alam sekitar yang lebih baik?

(b) Apakah langkah-langkah pencegahan hakisan yang akan dilaksanakan di sekitar kawasan Gurney Drive?

**Y.B. Encik Chian Heng Kai (Ahli Kawasan Bukit Tengah):**

2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri telah diminta memberi pendapat dan berbincang dengan Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan cadangan persempadanan semula kawasan-kawasan parlimen sebelum Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1992 dibentangkan di Parlimen Malaysia? Jika ya, sebutkan

(a) berapa kali diminta pendapat dan bilangan perbincangan;

(b) tarikh-tarikh perbincangan;

(c) isi-kandungan dalam perbincangan itu; dan

(d) mengapakah Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Dewan Undangan yang mulia ini menyokong Rang Undang-undang tersebut?

**Y.B. Encik Wong Hang Yoke (Ahli Kawasan Berapit):-**

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa terdapat sebuah pasaraya yang diberi nama *Looking Good* akan beroperasi di Kompleks Choo Yeang yang terletak di Jalan Muthupalaniappa, Bukit Mertajam pada akhir tahun ini, sedangkan bangunan berkenaan masih dalam pembinaan? Jika ya, adakah sijil C.F. sudah dikeluarkan? Jika tidak, bagaimanakah pasaraya berkenaan dapat beroperasi pada akhir tahun ini? Sekiranya sijil C.F. sudah dikeluarkan, adakah masalah kesesakan lalulintas akibat daripada pembukaan pasaraya berkenaan telah diambilkira?

**Y.B. Encik Tan Loo Jit (Ahli Kawasan Batu Lanchang):**

4. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan pelancongan hijau/pelancongan berekologi bagi lima tahun akan datang? Adakah Kerajaan Negeri memohon kepada Kerajaan Pusat untuk mendapat peruntukan tambahan bagi tujuan ini? Jika ya, nyatakan jumlah peruntukan dan projek yang dirancangkan. Jika tidak, mengapa?

**Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Saad (Ahli Kawasan Penanti):**

5. Apakah peranan Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Pulau Pinang dan Jawatankuasa Penasihat Ekonomi Negeri?

(a) Apakah cadangan Jawatankuasa Pembangunan Pulau Pinang di dalam memajukan kawasan Penanti?

(b) Bilakah pelan tempatan kawasan Penanti akan disiapkan?

(c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam memajukan orang-orang miskin di Pulau Pinang? Beri jumlah mengikut bangsa dan cara mengatasi masalah kemiskinan mereka.

(d) Apakah nasihat Jawatankuasa Ekonomi Pulau Pinang dalam menambah sumber pendapatan Kerajaan Negeri?

(e) Sejauh manakah peranan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam memajukan ekonomi Pulau Pinang sejajar dengan Wawasan 2020?

**Y.B. Tuan Haji Mohammed Yussof bin Abdul Latib (Ahli Kawasan Sungai Dua):**

6. (a) Sejauh manakah kejayaan yang telah diperolehi hasil daripada langkah Kerajaan mengambil tanah-tanah sawah bagi melaksanakan projek parit IADP khususnya di kawasan Seberang Perai Utara?

(b) Mengapakah ramai tuan-tuan tanah yang terlibat tidak sanggup hendak mengusahakan tanah-tanah sawah mereka sendiri setelah projek parit IADP itu siap dilaksanakan malah mereka lebih suka menyewakan sawah mereka kepada pengusaha-pengusaha dari luar?

**Y.B. Encik Teoh Teik Huat (Ahli Kawasan Paya Terubong):**

7. Memandangkan kepada hakikat bahawa Y.A.B. Ketua Menteri telah membuat satu tuduhan awam yang serius mengenai ketidak bertanggungjawaban pemaju perumahan swasta yang menyumbat batang-batang pokok kelapa untuk menggantikan tanah apabila kerja-kerja menyama-ratakan tanah dibuat seperti mana yang dituduh oleh Y.A.B. Ketua Menteri menyebabkan berlakunya banjir di Seberang Perai. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan nama pemaju-pemaju perumahan yang terlibat yang menimbulkan perkara yang tidak bertanggungjawab ini dan mengapakah pihak Kerajaan sehingga sekarang tidak mengambil sebarang tindakan terhadap pemaju-pemaju perumahan ini?

**Y.B. Encik Lim Hock Seng (Ahli Kawasan Mak Mandin):**

8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan projek-projek RM6 yang akan dibatal atau ditangguhkan di Pulau Pinang dalam usaha penjimatan perbelanjaan Kerajaan?

**Y.B. Encik Ong Hock Aun (Ahli Kawasan Ayer Itam):**

9. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa kebersihan di tandas awam di atas Bukit Bendera, kawasan dalam Kebun Bunga, kawasan Taman Belia dan beberapa tempat penarikan pelancong yang lain berada dalam keadaan yang amat kotor? Apakah langkah-langkah yang dipercayai berkesan akan diambil oleh Kerajaan?

**Y.B. Encik Lim Kit Siang (Ahli Kawasan Padang Kota):**

10. (a) Mengapakah Syarikat Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) diberi layanan istimewa oleh Kerajaan Negeri yang membenarkan syarikat itu:

(i) membatalkan komitmen untuk menyiapkan bahagian Butterworth-Changkat Jering projek Lebuhraya Utara-Selatan pada akhir tahun 1991;

(ii) membatalkan komitmen untuk menyiapkan bahagian Butterworth-Bukit Tambun pada bulan Jun 1991;

(iii) merosakkan paip-paip utama di Sungai Dua, Seberang Perai pada bulan Ogos lalu yang memutuskan bekalan air kepada 250,000 pengguna di Pulau Pinang selama 36 jam tanpa perlu membayar apa-apa pampasan; dan

(iv) menyekat pengaliran air parit secara bebas ditapak projek Lebuhraya Utara-Selatan dekat Bukit Tengah yang menyebabkan banjir yang paling buruk di Lembah Sungai Rambai dengan membabitkan 50,000 penduduk pada bulan lalu danjuga tanpa menbayar apa-apa pampasan?

(b) Adakah kesemua ini dibenarkan kerana pertalian politik PLUS dan syarikat kawalannya United Engineers Malaysia (UEM)?

**Y.B. Encik Chow Kon Yeow (Ahli Kawasan Pengkalan Kota):**

11. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri bercadang untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam mendefinasikan semula rumah kos rendah?

(b) Apakah pendirian terbaru Kerajaan Negeri tentang definasi rumah kos rendah?

(c) Adakah Kerajaan Negeri telah memberi persetujuan kepada dasar baru Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang tidak lagi mahu membina rumah kos rendah berharga $25,000? Jika ya, apakah sebabnya?

**Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli (Ahli Kawasan Permatang Pasir):**

12. Menurut ucapan Y.B. Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Y.B. Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang semua pembinaan rumah-rumah kediaman kawasan luar bandar di Seberang Perai dan Pulau Pinang akan dikecualikan daripada pelan. Adakah perkara ini telah dikuatkuasakan pelaksanaannya? Jika belum, sila beri penjelasan dan bilakah ianya akan dikuatkuasakan?

**Y.B. Puan Hajjah Rokiah Bee bt. Hassan (Ahli Kawasan Teluk Ayer Tawar):**

13. Perkembangan sektor perkilangan di Pulau Pinang telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Sehubungan dengan itu, sektor ini telah menarik ramai tenaga kerja dari seluruh negara untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang ditawarkan. Dalam keghairahan memajukan sektor ini, adakah kebajikan para pekerja juga telah diambil kira dengan sewajarnya?

Dapatkah pihak Kerajaan menyediakan data terbaru mengenai:

(a) bilangan pegawai dan pekerja di sektor perkilangan di seluruh Negeri Pulau Pinang;

(b) negeri asal pekerja-pekerja;

(c) bilangan mengikut jantina; dan

(d) keturunan?

**Y.B. Encik Phee Boon Poh (Ahli Kawasan Bagan Jermal):**

14. Pusat penjaja Majlis Perbandaran Seberang Perai di atas Lot 31, Seksyen 1, Jalan Pantai Bersih, Bandar Butterworth telah dijangka siap pada 31 Disember 1991. Adakah pusat penjaja ini di buka untuk urusniaga kepada penjaja-penjaja? Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa?

**Y.B. Encik Azhar bin Ibrahim (Ahli Kawasan Penaga):**

15. (a) Sejauhmanakah kejayaan yang telah dicapai dalam usaha Kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum di Pulau Pinang ini?

(b) Apakah langkah-langkah/program-program yang di rancangkan bagi meningkatkan perpaduan ini?

(c) Apakah faktor-faktor utama yang menyulitkan pencapaian tahap perpaduan yang dicita-citakan itu?

**Y.B. Encik K. Balasundaram (Ahli Kawasan Datuk Keramat):**

16. Apakah dasar dan pendirian Kerajaan Negeri mengenai penggunaan *satellite dish* atau *parabolic dish* oleh pemilik-pemilik televisyen? Sanggupkah Kerajaan Negeri membuat rekomendasi dan representasi kepada Kerajaan Pusat untuk menghalalkan penggunaan alat tersebut?

**Y.B. Encik Peter Paul Dason (Ahli Kawasan Bukit Glugor):**

17. Nyatakan:

(a) adakah langkah-langkah yang kini diambil untuk mencegah pencemaran perusahaan daripada pengeluaran dialirkan masuk ke dalam sungai-sungai negeri, jalan air dan lautan yang mengelilingi negeri ini mencukupi dan tepat dan jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil?

(b) jenis-jenis perindustrian terutamanya yang bertanggungjawab di atas pencemaran yang dikeluarkan ke dalam perairan kita?

**Y.B. Encik Chin Kooi Thoon (Ahli Kawasan Jawi):**

18. (a) Adakah Kerajaan Negeri berpuashati dengan perjalanan projek Lebuhraya Utara-Selatan dari Butterworth ke Bukit Tambun?

(b) Adakah benar PLUS membuat sedikit perubahan kepada pelan asalnya tanpa berunding dengan Kerajaan Negeri? Jikaya, apakah tindakan Kerajaan Negeri?

(c) Adakah Kerajaan Negeri sedar terdapat 3 buah rumah iaitu yang berikut:-

(i) 1342, Jalan Bukit Tambun, 14110 Simpang Ampat.

(ii) T.S. 2378, Pathau, Bukit Tambun, 14110 Simpang Ampat.

(iii) T.S. 2496, Pathau, Bukit Tambun, 14110 Simpang Ampat.

yang ditimpa masalah akibat projek ini?

(d) Adakah Kerajaan akan memberi pampasan kepada mereka? Jika ya, bila?

**Y.B. Encik Lim Chien Aun (Ahli Kawasan Bayan Lepas):**

19. Bilakah cadangan Lebuhraya Pesisiran Pantai *coastal highway* yang akan menyambung Jambatan Pulau Pinang dengan bandar Batu Maung dan kawasan sekelilingnya dijangka siap? Adakah projek yang dicadangkan itu telah ditawarkan? Jika ya, sila sebutkan bilangan fasa atau pakej yang terlibat dan kontraktor-

kontraktor yang berjaya mendapat tawaran. Sila sebutkan butir-butir dan syarat-syarat utama kontrak yang merangkumi harga, piawaian *standards* dan tempoh masa.

**Y.B. Encik Cheah Teik Hoe (Ahli Kawasan Kampong Kolam):**

20. Apakah pendirian rasmi Kerajaan Negeri tentang dasar Kerajaan mengenai 'kawasan strategik orang Melayu' dalam pembangunan perumahan di negeri ini sepertimana diumumkan oleh Y.B. Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan nyatakan:-

(a) Apakah definasi 'kawasan strategik orang Melayu'?

(b) Apakah kriteria digunakan untuk mengkelaskan sesuatu kawasan sebagai 'kawasan strategik orang Melayu'?

(c) di manakah terletaknya 'kawasan strategik orang Melayu' di Negeri Pulau Pinang? Senaraikan kawasan-kawasan ini dan keluasan tanah yang terlibat.

(d) Sejak bilakah dasar 'kawasan strategik orang Melayu' ini digubal dan bilakah dasar ini dikuatkuasakan di Negeri Pulau Pinang?

(e) Beri butir-butir mengenai dasar ini.

(f) Apakah objektif dan tujuan-tujuan dasar ini?

(g) Bagaimanakah seseorang tahu bahawa tanah yang dibeli olehnya terletak dalam 'kawasan strategik orang Melayu' atau tidak? Daripada pihak manakah pemilik tanah dapat maklumat tentang kategori tanah ini?

(h) Siapakah yang menggubal dasar ini? Adakah Y.A.B. Ketua Menteri memberi restu dan persetujuan kepada dasar ini?

(i) Dasar ini mula diumumkan oleh Menteri Kewangan dan ini menunjukkan kuasa menentukan dasar-dasar pembangunan negeri tidak ada dalam tangan Kerajaan Negeri tetapi dalam bidang kuasa Menteri Kewangan. Apakah pendirian Kerajaan Negeri dan Y.A.B. Ketua Menteri terhadap hal ini?

**Y.B. Dr. Teng Hock Nan (Ahli Kawasan Kebun Bunga):**

21. (a) Adakah Kerajaan sedar bahawa kejadian-kejadian banjir kilat di negeri ini kebanyakannya adalah disebabkan oleh longgokan sampah serta rumput dan lalang yang telah menghalang kelicinan pengaliran air sungai ke laut? Jika ya, sila nyatakan berapa kerapkah Jabatan Pengairan dan Saliran membersihkan sungai-sungai ini daripada sampah, rumput atau lalang dalam jangkamasa setahun, khasnya di Sungai Air Terjun? Jika tidak, apakah sebab-sebab dan faktor-faktor yang mengakibatkan banjir-banjir kilat ini?

    (b) Apakah kemajuan program-program pencegahan banjir jangka pendek dan pertengahan yang telah dikenalpasti setakat ini?

**Y.B. Encik Chian Heng Kai (Ahli Kawasan Bukit Tengah):**

22. Adakah Kerajaan Negeri bercadang supaya semua projek penswastaan negeri dibuka untuk tender memandangkan apa yang sedang dijalankan pada masa ini ada kemungkinan besar mengakibatkan kecurangan, rasuah dan sebagainya? Jika tidak, mengapa?

**Y.B. Encik Wong Hang Yoke (Ahli Kawasan Berapit):-**

23. Adakah Timbalan Ketua Menteri berhak mendapatkan khidmat anggota polis untuk menjaga kediaman beliau yang terletak di Batu 10, Sungai Semambu, Bukit Mertajam mulai pada jam 8.00 malam sehingga 8.00 pagi pada setiap hari? Jika ya, adakah Ahli-ahli Exco yang lain juga mendapat layanan yang sama? Selain daripada itu, adakah benar Timbalan Ketua Menteri mengarahkan anggota polis membuka jalan kepada beliau untuk mengelakkan kesesakan lalulintas sedangkan pada ketika itu beliau bukan menjalankan urusan rasmi?

**Y.B. Encik Tan Loo Jit (Ahli Kawasan Batu Lanchang):**

24. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah kemasukan pelacur-pelacur ke dalam Negeri Pulau Pinang selepas penutupan rumah-rumah pelacur di Negeri Thai?

**Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Saad (Ahli Kawasan Penanti):**

25. Bilakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Pertanian Negeri (*Agricultural Advisory Council*) yang terdiri daripada pakar-pakar pertanian dan tokoh-tokoh koperat dan pihak universiti tempatan bagi menasihatkan Jawatankuasa Pertanian Negeri? Sekiranya ada apakah *terms of referencenya*?

**Y.B. Tuan Haji Mohammed Yussof bin Abdul Latib (Ahli Kawasan Sungai Dua):**

26. (a) Bilakah Lebuhraya Utara-Selatan akan siap? Adakah ianya dibina dan akan disiapkan mengikut jadual? Adakah benar *segment* atau bahagian dari Butterworth hingga Bukit Tambun telah menghadapi masalah?

(b) Kebelakangan ini ramai orang merungut mengenai jalan-jalan di Seberang Perai berada dalam keadaan begitu teruk dan kurang memuaskan. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi keadaan tersebut?

**Y.B. Encik Teoh Teik Huat (Ahli Kawasan Paya Terubong):**

27. Nyatakan kadar sewa bulanan yang dibayar oleh Y.B. Dr. Goh Cheng Teik untuk kuarters kakitangan Kerajaan Negeri yang beliau sewa. Nyatakan juga alamat kuarters berkenaan dan sama ada Y.B. Dr. Goh Cheng Teik ada menerima elaun bulanan perumahan sebanyak $1,000.00 sebagai EXCO. Jika ya, adakah seorang Ahli EXCO patut menerima elaun perumahan EXCO dan pada masa yang sama menyewa kuarters kakitangan Kerajaan dengan kadar yang murah yang mana juga telah menyebabkan seorang kakitangan Kerajaan hilang peluang menduduki kuarters Kerajaan?

**Y.B. Encik Lim Hock Seng (Ahli Kawasan Mak Mandin):**

28. Nyatakan punca kerosakan saluran paip air yang berlaku pada tarikh dan tempat-tempat di bawah:-

(i) 7 Ogos 1992 di Sungai Dua, Seberang Perai Utara.

(ii) 1 Julai 1992 di Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah.

Adakah Kerajaan sudah menuntut kerugian daripada pihak yang bertanggungjawab?

**Y.B. Encik Ong Hock Aun (Ahli Kawasan Ayer Itam):**

29. (a) Berapakah jumlah kakitangan, pegawai dan pengarah Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang disyaki terlibat dengan kes makan rasuah pada tahun 1991 dan 1992? Siapakah mereka itu?

(b) Berapa orangkah di antara yang tersebut di atas telah didakwa dan digantung daripada tugas mereka?

(c) Berapa orangkah kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang termasuk pegawai dan pengarah yang telah dan akan memilih bersara sebelum sampai umur pada tahun 1992? Siapakah mereka itu?

**Y.B. Encik Lim Kit Siang (Ahli Kawasan Padang Kota):**

30. Nyatakan sama ada Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kejadian penjenayahan yang kian bertambah di Negeri Pulau Pinang dan khasnya yang membabitkan pekerja-pekerja Indonesia, sama ada sahih atau haram, telah menunjukkan kemerosotan dalam kesejahteraan dan keamanan yang membimbangkan dan apakah tindakan yang dicadang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan keselamatan jiwa dan hartabenda rakyat, pelabur-pelabur dan pelancong terjamin?

**Y.B. Encik Chow Kon Yeow (Ahli Kawasan Pengkalan Kota):**

31. Mengapakah Memorandum Persefahaman di antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang/Kerajaan Negeri dengan Georgetown Holdings Berhad berhubung dengan penjualan tanah di Fasa 4 dan 5 Projek Pembangunan KOMTAR tidak dapat dikuatkuasakan dan dilaksanakan?

**Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli (Ahli Kawasan Permatang Pasir):**

32. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa pada akhir-akhir ini terdapat beberapa titi telah runtuh, contohnya titi di Padang Ibu, Guar Petai, Jalan Bukit Toh Alang dan Jalan Gajah Mati? Bilakah titi-titi tersebut akan dibaiki? Di samping itu, adakah pihak Jabatan Kerja Raya akan memeriksa ketahanan dan kekuatan semua titi-titi di negeri ini tanpa mengira saiznya demi keselamatan awam?

**Y.B. Puan Hajjah Rokiah Bee bt. Hassan (Ahli Kawasan Teluk Ayer Tawar):**

33. Pertambahan bilangan pekerja akan melibatkan masalah tempat tinggal. Adakah pihak Kerajaan Negeri telah mengenalpasti kawasan kediaman tumpuan pekerja serta kawalan dan kemudahan yang mereka patut perolehi sebagai seorang pekerja? Tumpuan kediaman yang berselerak secara tidak langsung menimbulkan masalah-masalah sosial seperti yang selalu kita dengar dan perhatikan. Setakat ini apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil dalam usaha membendung masalah ini dan meninggikan moral serta imej pekerja di sektor perkilangan?

**Y.B. Encik Phee Boon Poh (Ahli Kawasan Bagan Jermal):**

34. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberitahu pengambilan tanah Batu Kawan Berhad di Pulau Batu Kawan, Tambun, Seberang Perai Selatan. Apakah akan terjadi kepada pekerja-pekerja Ladang Batu Kawan Berhad yang terlibat dalam pengambilan tanah ini?

**Y.B. Encik Azhar bin Ibrahim (Ahli Kawasan Penaga):**

35. (a) Berapa banyakkah tanah wakaf yang terdapat di negeri ini?

(b) Berapa luaskah tanah-tanah ini mengikut daerah?

(c) Apakah rancangan yang sedang dan akan disusun untuk memajukan tanah-tanah ini?

**Y.B. Encik K. Balasundaram (Ahli Kawasan Datuk Keramat):**

36. Berapakah bilangan pelaburan yang telah ditolak oleh Kerajaan Negeri dalam dua tahun kebelakangan ini? Sila nyatakan butir-butir berikut:-

(a) jumlah pelaburan yang terlibat;

(b) jenis atau industri atau aktiviti yang terlibat; dan

(c) sebab-sebab ianya ditolak.

**Y.B. Encik Peter Paul Dason (Ahli Kawasan Bukit Glugor):**

37. Nyatakan:

(a) jumlah luas tanah di negeri ini yang digunakan untuk tujuan pertanian dalam tahun 1970, 1980 dan 1990 dan jumlah luas tanah yang dijangka untuk digunakan bagi tujuan tersebut dalam tahun 2000.

(b) nilai penghasilan setiap sektor ekonomi berikut di negeri ini:

(i) pertanian
(ii) ternakan
(iii) perhutanan
(iv) perikanan

bagi tahun 1970, 1980, 1990 dan nilai yang dijangkakan atau nilai yang dirancangkan bagi setiap sektor tersebut di atas bagi tahun 2000.

(c) sebab-sebab kemerosotan dalam nilai pengeluaran empat sektor tersebut di atas.

**Y.B. Encik Chin Kooi Thoon (Ahli Kawasan Jawi):**

38. (a) Berapakah yang terlibat dalam industri menangkap ikan laut dalam bagijangkamasa 5 tahun yang lepas? Berikan pecahan setiap tahun.

(b) Berapakah pekerja yang terlibat dalam sektor ini serta berikan pecahan hasil tangkapan mereka untuk jangkamasa 5 tahun tersebut?

(c) Berapakah modal yang terlibat dalam industri ini serta berapakah subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Negeri?

(d) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengembangkan industri berkenaan? Jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil?

**Y.B. Encik Lim Chien Aun (Ahli Kawasan Bayan Lepas):**

39. Sebutkanjabatan atau pihakberkuasa yang bertanggungjawab untuk perancangan, perlaksanaan dan penyelenggaraan projek skim perparitan di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan bandar dan luar bandar. Jika lebih daripada sebuah jabatan atau pihakberkuasa, sila sebutkan syarat-syarat yang ditetapkan.

**Y.B. Encik Cheah Teik Hoe (Ahli Kawasan Kampong Kolam):**

40. Memandangkan terdapat 'kawasan strategik orang Melayu' di negeri ini, adakah terdapat juga 'kawasan strategik orang Cina' dan 'kawasan strategik orang India'? Jika ada, nyatakan kawasan dan keluasan tanah yang terlibat. Jika tidak, mengapa? Adakah Kerajaan Negeri Barisan Nasional mengamalkan dasar *apartheid?*

**Y.B. Dr. Teng Hock Nan (Ahli Kawasan Kebun Bunga):-**

41. (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar kekurangan unit-unit perumahan kos rendah di negeri ini amat ketara? Jika ya, berapakah unit rumah kos rendah yang akan dibina oleh Kerajaan dalam masa 3 tahun akan datang? Berapa pula yang akan dibina oleh pihak pemaju swasta yang telah diluluskan setakat ini? Adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mewujudkan perumahan kos rendah di kawasan Kebun Bunga?

(b) Sila nyatakan bilangan pemohon perumahan kos rendah yang masih dalam senarai menunggu mengikut tahun iaitu berapakah bilangan pemohon yang telah menunggu lebih daripada 15 tahun, 10 tahun dan sebagainya?

(c) Apakah sistem pengagihan rumah kos rendah yang sedia ada dan adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menyempurnakan lagi sistem yang sedia ada sekarang?

**Y.B. Encik Chian Heng Kai (Ahli Kawasan Bukit Tengah):**

42. Sebutkan dasar dan prosedur:

(a) perlantikan Ahli-ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang; dan

(b) pengeluaran lesen-lesen pasar malam oleh kedua-dua Majlis Perbandaran negeri ini.

**Y.B. Encik Wong Hang Yoke (Ahli Kawasan Berapit):-**

43. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi pampasan kepada penjaja yang mengalami kerugian besar ekoran daripada pembinaan jejantas di stesyen keretapi Bukit Mertajam? Kenapakah kontraktor berkenaan tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan? Apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap kontraktor yang berkenaan?

**Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Saad (Ahli Kawasan Penanti):**

44. Apakah rancangan Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam menyediakan ruang niaga dan kedai-kedai untuk penjaja di Seberang Perai? Sekiranya ada, berikan jumlah dan lokasinya.

**Y.B. Tuan Haji Mohammed Yussof bin Abdul Latib (Ahli Kawasan Sungai Dua):**

45. (a) Mengapakah dibenarkan peniaga-peniaga daging babi berniaga di tepi jalan masuk di persimpangan ke Bagan Lalang di tengah-tengah pekan Sungai Puyu di kawasan saya? Perbuatan ini mengganggu orang ramai yang lalu lalang di situ.

(b) Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan tempat khas bagi peniaga-peniaga daging babi tersebut?

**Y.B. Encik Teoh Teik Huat (Ahli Kawasan Paya Terubong):**

46. Adakah 1,570 unit rumah pangsa kos rendah di Paya Terubong yang sedang dibina oleh Binanusa Sdn. Bhd. di bawah program penswastaan perumahan kos rendah Kerajaan Negeri boleh diserahkan kepada pembeli selewat-lewatnya pada hujung bulan Disember, 1992 seperti yang dijanjikan oleh Pengerusi Perumahan Negeri, Y.B. Tuan Haji Zakaria, dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pada Jun, 1992? Jika tidak, apakah punca kelewatan dan bilakah sebenarnya rumah pangsa itu akan diserahkan kepada pembeli? Nyatakan juga sama ada kerja-kerja membina Blok 15 yang dijadualkan bermula dalam bulan Jun 1992 sudah bermula. Jika ya, bilakah ia dimulakan dan jika tidak, mengapakah ia belum dimulakan?

**Y.B. Encik Lim Hock Seng (Ahli Kawasan Mak Mandin):**

47. Nyatakan tahap dan sebab-sebab jalanraya baru dipantai Bayan Lepas tenggelam dan rosak. Berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk memperbaiki jalan tersebut dan siapakah yang membiayainya?

**Y.B. Encik Ong Hock Aun (Ahli Kawasan Ayer Itam):**

48. (a) Kenapakah Kerajaan membenarkan sisa-sisa, air kotor dan racun mengalir di parit besar sepanjang Jalan Sultan Azlan Shah terutamanya di antara bulatan hingga ke kilang *The Eastern Knitters*?

(b) Dari kilang manakah sisa-sisa dan air kotor ini datang dan apakah tindakan Kerajaan terhadap parit yang kini berbau amat busuk itu?

**Y.B. Encik Lim Kit Siang (Ahli Kawasan Padang Kota):**

49. Berikan butir-butir tentang cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri berhubung dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1966 dan bagaimana ia mempengaruhi 12,000 buah premis di Negeri Pulau Pinang. Bilakah peringkat pertama pembatalan Akta ini akan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang dan sama ada Kerajaan Negeri akan memberi jaminan bahawa program penempatan semula melalui perumahan kos rendah akan dilaksanakan serentak dengan setiap peringkat pembatalan Akta bagi mengelakkan golongan miskin dan berpendapatan rendah dari mengalami kesusahan?

**Y.B. Encik Chow Kon Yeow (Ahli Kawasan Pengkalan Kota):**

50. Apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk meluluskan permohonan bekas Setiausaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Encik Lakhbir Singh, untuk bersara lebih awal?

**Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli (Ahli Kawasan Permatang Pasir):**

51. Sehingga ini, berapakah lesen *video game* yang telah diluluskan di negeri ini? Sila jelaskan pecahan mengikut daerah. Berapakah pula tangkapan serta tindakan yang telah diambil terhadap perniagaan *video game* haram dan berikan pecahan mengikut daerah.

**Y.B. Puan Hajjah Rokiah Bee bt. Hassan (Ahli Kawasan Teluk Ayer Tawar):**

52. Pulau Pinang sentiasa menjadi tumpuan. Antara faktor penggalaknya ialah pelancongan, terutamanya di kawasan pantai. Jika kita perhatikan, hanya pantai di bahagian pulau sahaja yang menjadi tarikan.

Pantai di bahagian Seberang Perai Utara (dari Bagan Ajam hingga ke Kuala Muda) juga mempunyai potensi untuk dimajukan. Masalahnya ialah di sepanjang pantai tersebut kawasannya berlumpur. Dapatkah pihak Kerajaan membuat sesuatu tindakan dalam usaha mengindahkan kawasan ini setanding dengan pantai yang telah sedia ada?

**Y.B. Encik Phee Boon Poh (Ahli Kawasan Bagan Jermal):**

53. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengarahkan semua syarikat kontena pindah ke tapak kontena (tapak sementara) Majlis Perbandaran Seberang Perai di kawasan perindustrian Mak Mandin dan keputusan Jawatankuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai ini adalah salah langkah? Jikalau ya, adakah Kerajaan Negeri sedia membuat satu keputusan supaya semua syarikat kontena ini terus di pindahkan ke Bukit Tengah, iaitu ke tapak kekal yang dicadangkan?

**Y.B. Encik Azhar bin Ibrahim (Ahli Kawasan Penaga):**

54. (a) Berapakah jumlah kos bagi kerja-kerja membaiki/ menyelenggara jalan-jalan tar di seluruh negeri bagi tahun 1991 dan hingga bulan Oktober, 1992?

(b) Apakah masalah-masalah utama yang merosakkan jalan-jalan ini dan di daerah mana?

(c) Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengurangkan kos ini?

**Y.B. Encik K. Balasundaram (Ahli Kawasan Datuk Keramat):**

55. Memandangkan "Pulau Pinang Ke Abad 21" adalah satu pelan strategik dan bukannya pelan tindakan atau pelan pembangunan, mengapakah mengambil masa yang agak lama iaitu lebih kurang dua tahun untuk mengumumkan pelan tersebut?

**Y.B. Encik Peter Paul Dason (Ahli Kawasan Bukit Glugor):**

56. Adakah usaha Kerajaan Negeri untuk memperkembangkan sumber manusia di negeri ini bagi menjalankan kilang-kilang dan industri-industri yang memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi memuaskan atau tidak dan sebab-sebabnya?

**Y.B. Encik Chin Kooi Thoon (Ahli Kawasan Jawi):**

57. (a) Sejak skim subsidi "pakej" diperkenalkan di negeri ini, berapakah yang telah membuat permohonan di bawah skim ini dan berapakah yang diluluskan permohonan mereka serta telah memulakan projek perumahan mereka?

(b) Tahukah pihak Kerajaan bahawa terdapat satu taman perumahan yang dikenali sebagai Taman Merak di lot-lot 489, 491, 493, 495 dan 497 di Mukim 14?

(i) Jika ya, berapakah jumlah unit rumah yang dibina di Taman Merak ini?

(ii) Daripada jumlah tersebut, berapa unitkah rumah kedai dan berapa rumah kos rendah yang bernilai $25,000?

(c) Adakah Kerajaan Negeri memberi subsidi "pakej" kos rendah kepada pemaju perumahan di bawah Skim Penswastaan Rumah Kos Rendah Negeri untuk projek Taman Merak?

(d) (i) Jika ya, adakah Kerajaan sedar bahawa pemaju menjual unit-unit rumah kos rendah ini dengan harta melebihi $25,000 iaitu antara $55,000 hingga $63,000 di lot-lot 929 hingga 941 dan lot-lot 801 hingga 815?

(ii) Jika sedar, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemaju berkenaan?

**Y.B. Encik Lim Chien Aun (Ahli Kawasan Bayan Lepas):**

58. Berhubung dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu industri kecil, sederhana, dan industri desa tempatan *cottage industry*, sila sebutkan:-

(a) tapak-tapak yang telah dikenalpasti untuk kegunaan kegiatan industri tersebut dan apakah insentif-insentif yang diberikan kepada mereka.

(b) sama ada Pihak Berkuasa Negeri sedar bahawa terdapat banyak kegiatan industri tersebut pada masa ini wujud dan terletak dalam, bersempadanan dan di sebelah zon dan kawasan yang digunakan untuk zon kegunaan yang lain, (seperti zon pertanian, kediaman serta juga perniagaan) dan dengan itu membebani, mengganggui dan membahayakan penduduk-penduduk di kawasan jiran mereka. Jika ya, adakah kajian dikendali atau dijalankan untuk mengenalpasti premis-premis dan tapak-tapak haram serta kegiatan-kegiatan mereka dan tindakan yang telah dan akan diambil?

**Y.B. Encik Cheah Teik Hoe (Ahli Kawasan Kampong Kolam):**

59. Sejauhmanakah tumpahan minyak dari kapal *Nagasaki Spirit* telah menyebabkan kerosakan alam sekitar di Negeri Pulau Pinang? Nyatakan:

(a) Berapakah tenaga manusia dan jentera digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah tumpahan minyak ini?

(b) Apakah taraf kepakaran yang dipunyai oleh tenaga manusia negeri ini dari segi kerja-kerja mencegah tumpahan minyak dan pencemaran?

(c) Sejauhmanakah jentera-jentera yang digunakan berkesan untuk mencegah pencemaran?

(d) Sekiranya satu lagi kejadian tumpahan minyak berlaku di luar kawasan perairan Negeri Pulau Pinang dengan tumpahan minyak sebanyak 60,000 tan, bolehkan Kerajaan Negeri membuat anggaran tentang kerosakan terhadap alam sekitar negeri ini? Bolehkah Kerajaan Negeri menganggarkan jumlah orang dan mata pencarian mereka yang terjejas baik secara langsung atau pun tidak langsung?

(e) Sejauhmanakah Kerajaan Negeri berprihatin terhadap masalah ini dan apakah langkah-langkah pencegahan dan pembaikpulih akan dan telah diambil untuk mencegah atau meminimakan impek kejadian-kejadian ini?

**Y.B. Dr. Teng Hock Nan (Ahli Kawasan Kebun Bunga):**

60. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa Pesta Pulau Pinang yang telah berjaya diadakan pada setiap tahun juga membawa masalah kepada pengguna-pengguna Lebuhraya Sultan Azlan Shah? Jika ya, apakah rancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas tersebut pada masa hadapan?

**Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Saad (Ahli Kawasan Penanti):**

61. Apakah rancangan Kerajaan dalam mengatasi banjir di Tanah Liat, Bukit Mertajam? Berapakah peruntukan dan bilakah perlaksanaannya?

**Y.B. Tuan Haji Mohammed Yussof bin Abdul Latib (Ahli Kawasan Sungai Dua):**

62. Saya difahamkan bahawa Jalan Persekutuan Laluan Satu atau *Federal Route One* sedang dibaikpulih dari Bumbung Lima, Seberang Perai Utara hingga ke Permatang Keling, Seberang Perai Selatan. Adakah benar dikatakan cara pelaksanaannya amat tidak memuaskan dan menyebabkan kesusahan kepada orang ramai? Apakah langkah-langkah dan tindakan Kerajaan mengenai perkara ini?

**Y.B. Encik Teoh Teik Huat (Ahli Kawasan Paya Terubong):**

63. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa sebatang jalan yang menyambungkan Tingkat Lembah Ria 3, Happy Valley, Paya Terubong dengan sebatang jalan belakang di mana jalan ini sekarang dikenali sebagai Lot 8767 Mukim 13, Daerah Timur Laut, telah dipindahmilik *alienated* kepada 3 orang oleh Kerajaan Negeri? Jika ya, bilakah ia dipindahmilik dan kenapakah tanah itu dipindahmilik kepada tuanpunya tanah persendirian? Beritahu juga sama ada terdapat sebarang pelan pembangunan dipohon oleh tuanpunya tanah yang baru ini kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang? Jika ya, berikan butir-butir lengkap pelan ini.

**Y.B. Encik Ong Hock Aun (Ahli Kawasan Ayer Itam):**

64. (a) Adakah Kerajaan Negeri telah diminta pandangan oleh Kerajaan Persekutuan tentang projek penswastaan tempat letak kereta di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas?

(b) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa projek ini telah mengaruhi rakyat Pulau Pinang dengan membayar kadar bayaran yang begitu tinggi?

(c) Kenapakah Kerajaan Negeri tidak mempertahankan kebaikan rakyat Pulau Pinang dalam projek ini?

**Y.B. Puan Hajjah Rokiah Bee bt. Hassan (Ahli Kawasan Teluk Ayer Tawar):**

65. Pulau Pinang makin bergerak ke arah kemajuan dan permodenan. Perhatian telah diberikan dalam semua bidang. Namun begitu, apa yang masih ketara lagi sekarang ini ialah mengenai kediaman setinggan. Kedudukan rumah-rumah di kawasan tersebut tidak teratur. Keadaan yang sedemikian

menimbulkan berbagai masalah terutamanya pencemaran. Keadaan ini lebih ketara bila berlakunya banjir atau kebakaran. Adakah pihak Kerajaan melakukan apa-apa tindakan atau perancangan dalam usaha menjadikan kawasan-kawasan ini lebih teratur dan tersusun?

**Y.B. Encik Phee Boon Poh (Ahli Kawasan Bagan Jermal):**

66. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina jalan-jalan baru di Butterworth sebagai tambahan infrastruktur kerana pembinaan dermaga kontena di Butterworth akan menambah bilangan kenderaan di jalan?

**Y.B. Encik Lim Chien Aun (Ahli Kawasan Bayan Lepas):**

67. Setakat ini berapakah jumlah hakmilik tanah yang telah dan belum ditukarkan kepada hakmilik tanah di bawah Kanun Tanah Negara (*National Land Code*)? Jika ada lagi hakmilik tanah yang belum ditukar pada masa ini, sebutkan bilakah penukaran ini dijangka akan siap dan jelaskan apakah masalah biasa dan sebab-sebab kelewatan ini terjadi?

**Y.B. Encik Phee Boon Poh (Ahli Kawasan Bagan Jermal):**

68. Adakah Kerajaan Negeri menerima cadangan-cadangan untuk menutup kedai tuak di Jalan Paul, Butterworth?

**Y.B. Encik Lim Chien Aun (Ahli Kawasan Bayan Lepas):**

69. Bagaimanakah sambutan pihak pekerja dan majikan terhadap Talian Khidmat Nasihat Pekerjaan? Apakah masalah biasa yang dibangkitkan oleh mereka yang menggunakan talian tersebut?

**Y.B. Encik Phee Boon Poh (Ahli Kawasan Bagan Jermal):**

70. Jalan-jalan di taman perumahan Taman Lucky, Taman Sin Tatt, Taman Island Peninsular Raja Uda, Taman Aman dan di kawasan sekitar Apollo belum di tar sepertimana dicadangkan. Adakah Kerajaan Negeri akan membuat perancangan supaya taman-taman perumahan akan jadi bersih dan indah seperti diarahkan oleh Kerajaan Pusat?

**Y.B. Encik Lim Chien Aun (Ahli Kawasan Bayan Lepas):**

71. Memandangkan terdapatnya kekurangan pekerja-pekerja mahir dalam sektor industri plastik, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah ini?

**Y.B. Encik Lim Chien Aun (Ahli Kawasan Bayan Lepas):**

72. Sila jelaskan matlamat serta objektif utama kedudukan, pengwujudan dan pembangunan *Penang Science Park* yang telah diumumkan oleh Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sebutkan,

(a) apakah jenis-jenis *hightech* yang diberi tumpuan dalam *Science Park* tersebut;

(b) jumlah belanjawan yang perlu untuk memastikan kejayaan projek ini; dan

(c) bilakah pembangunan projek ini dijangka siap dengan memberi penjelasan fasa, masa *time frame/phases* yang akan dikendalikan?

**Y.B. Encik Lim Chien Aun (Ahli Kawasan Bayan Lepas):**

73. Adakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar bahawa Pusat Kegiatan Sukan Air yang pada masa ini terletak di Tanjung Bungah menghadapi kekurangan kemudahan-kemudahan peralatan latihan sukan, keluasan dan lokasi tapak dan bangunan? (Contohnya, kemudahan-kemudahan, termasuk tapak dan bangunan yang sedang disediakan dan digunakan tidak sesuai untuk menjalankan program dan kegiatan untuk menggalakkan lagi promosi sukan air kepada sekumpulan peserta lebih daripada lima puluh (50) orang sekali gus).
Jika ya, sebutkan langkah-langkah dan tindakan yang akan dikendalikan untuk menyelesaikan masalah ini dan justeru itu, memberi sumbangan yang perlu untuk mencapai matlamat dan objektif berkaitan dengan meninggikan lagi pertumbuhan minat serta mutu atau taraf jenis-jenis kegiatan sukan air.

## (B) SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MENDAPATKAN JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI:

### I. Y.B. Encik Chian Heng Kai (Ahli Kawasan Bukit Tengah):

1. Senaraikan projek-projek kecil yang dikemukakan untuk perlaksanaan sejak bulan Mei 1992 hingga akhir bulan November 1992 di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Tengah, Berapit dan Machang Bubuk dengan memberi butir-butir setiap projek, kosnya, sama ada ia diluluskan atau ditolak dan kedudukan sebenar sekarang mengikut kawasan.

2. Senaraikan projek-projek yang akan dijalankan untuk mengatasi banjir-banjir yang berlaku di sekitar Taman Sri Rambai dan sekitar Perkampungan Juru, Bukit Mertajam dengan memberi butir-butir setiap projek, kosnya dan juga tarikh-tarikh projek bermula dan dijangka siap.

3. Senaraikan nama dan alamat tuan-tuan tanah yang mana tempoh pajakan tanah mereka telah tamat tetapi masih belum membuat permohonan untuk membaharuinya mengikut pecahan perkampongan Daerah Seberang Perai Tengah dan nyatakan kegunaan tanah itu.

4. Adakah Kerajaan Negeri menerima sebarang permohonan peruntukan termasuk peruntukan untuk projek-projek tertentu daripada mana-mana sekolah persendirian dalam negeri ini? Jika ya, sebutkan:-

   (a) nama sekolah yang membuat permohonan;

   (b) amaun peruntukan dan/atau projek dan kos yang dipohon; dan

   (c) apakah keputusan Kerajaan terhadap permohonan tersebut?

5. Adakah Kerajaan Negeri membuat cadangan rasmi kepada Kerajaan Pusat supaya bayaran tol Jambatan Pulau Pinang dikecualikan bagi penunggang motosikal sejak Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang berlangsung pada bulan Jun lalu? Jika ya, sebutkan tarikh membuat cadangan itu dan apakah hasilnya? Jika tidak, mengapa?

6. Apakah bantuan yang telah, sedang dan akan diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Shih Chung memandangkan sekolah tersebut sedang menghadapi masalah pemindahan?

7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan sekeping tanah untuk tujuan mendirikan sebuah universiti swasta yang bernama *Nanyang University*? Jika ya, sebutkan butir-butirnya. Jika tidak mengapa?

8. Adakah Kerajaan Negeri menerima permintaan dari Parti Gerakan supaya Mesyuarat Dewan Undangan Negeri disiar-kan secara langsung oleh R.T.M. atau T.V.3? Jika ya, sebutkan tarikh permintaan itu dan apakah keputusan Kerajaan Negeri?

9. Sebutkan lokasi-lokasi perhentian teksi, perhentian bas dan tapak letak kereta awam di Bukit Mertajam yang telah dikenalpastikan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

10. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa penduduk-penduduk di Kampong Dock, Bukit Tengah, Bukit Mertajam sedang mengadapi kesulitan lalulintas dari kampong itu ke pekan Bukit Tengah, terutamanya murid-murid yang ingin pergi ke sekolah, akibat daripada penutupan jalan yang disediakan oleh Projek Lebuhraya Utara-Selatan dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang? Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini?

11. Senaraikan ahli-ahli Jawatankuasa Kumpulanwang Amanah Bantuan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan sebutkan:-

    (a) bilangan dan tarikh mesyuarat sejak di tubuhkan pada 25 Mac 1992;

    (b) akaun terbaru;

    (c) mengapa Kumpulanwang itu tidak digunakan untuk membantu mangsa-mangsa banjir seperti yang berlaku di Taman Sri Rambai dan tempat-tempat lain pada akhir bulan Oktober tahun ini?

12. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa jalan tar yang menyambungkan Taman Sri Jaya dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Keow Kuang, Bukit Kecil, Bukit Mertajam masih belum diperbaiki? Jika ya, kenapakah tindakan tidak diambil?

13. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memindahkan Padang BMRC Bukit Mertajam ke suatu tempat yang lebih sesuai? Jika ya, apakah kegunaan padang itu selepas pemindahan dibuat?

14. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa sebuah titi yang menyambungkan Taman Sri Rambai kini dalam keadaan yang merbahaya? Jika ya, apakah tindakan akan diambil?

15. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengelakkan kesesakan lalulintas di Taman Sri Rambai akibat daripada pembukaan Sekolah Menengah Jit Sin?

16. Benarkah Kerajaan sudah mengenalpasti sekeping tanah di Bukit Minyak untuk dijadikan sebagai *waste dump site*? Jika ya, kenapakah Kerajaan Negeri memilih kawasan itu? Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa kawasan berhampiran dengan kawasan Bukit Minyak kini padat dengan penduduk? Jika ya, kenapakah *Environmental Impact Assessment Finding* dapat diluluskan? Pakar perunding I Kruger dari Denmark dilantik oleh siapa, adakah oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat? Namakan rakan kongsi tempatan I Kruger.

17. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa bangunan Pejabat Daerah Bukit Mertajam adalah di antara bangunan Kerajaan yang terburuk sekali di negeri ini? Jika ya, kenapakah kerja untuk membina bangunan baru masih belum dapat dilaksanakan walaupun telah begitu lama?

18. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat lebih-kurang empat ratus orang pembeli rumah Taman Sejahtera, Alma, Bukit Mertajam telah mengadu kepada Setiausaha Politik Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tentang kualiti rumah yang dibina dan selain daripada itu, pemaju yang berkenaan juga tidak mengambil tindakan untuk memagar kolam najis? Jika ya, adakah Kerajaan Negeri sedia mengambil tindakan terhadap pemaju yang berkenaan? Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil?

## II. Y.B. Encik Wong Hang Yoke (Ahli Kawasan Berapit):

1. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa pemaju Asas Dunia Sdn. Bhd. menjual rumah kos rendah yang dibina di Jalan Rohzan, Alma, Bukit Mertajam dengan harga setinggi $37,000.00? Sekiranya ya, apakah tindakan yang akan diambil?

2. Kenapakah sistem lalulintas baru untuk pekan Bukit Mertajam yang dilaksanakan mulai 1 Oktober 1992 mendatangkan kesesakan yang lebih buruk? Selain daripada itu, sistem yang dilaksanakan itu juga mendatangkan kesan yang buruk kepada para peniaga di Taman Ciku di mana para peniaga kini mengalami masalah kekurangan perniagaan. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mengambil tindakan mengatasi masalah ini?

3. Nyatakan senarai protokol rasmi Negeri Pulau Pinang.

4. Selepas penutupan semua gerai sembelih ayam di semua pasar awam di negeri ini, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mendirikan pusat penyembelihan ayam di setiap daerah di negeri ini? Jika tidak, sila nyatakan di manakah kawasan yang sesuai sekali untuk menjalankan kerja berkenaan.

5. Sila nyatakan:-

   (a) Berapa unitkah rumah yang telah ditenggelami air semasa banjir melanda Taman Sri Rambai baru-baru ini?

   (b) Apakah bantuan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri?

   (c) Berapakah kerugian harta benda yang dianggarkan?

   (d) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membayar pampasan kepada mereka yang terlibat?

   (e) Bilakah kerja-kerja untuk mencegah banjir daripada berlaku lagi akan dijalankan?

6. Kenapakah Kerajaan Negeri tidak mengambil tindakan terhadap sebuah kilang plastik yang sedang beroperasi di Perkampongan Berapit sedangkan banyak aduan telah dibuat oleh penduduk-penduduk yang tinggal di perkampungan berkenaan bahawa kilang tersebut telah mengeluarkan bau yang busuk serta menghalang lalulintas? Namakan tuan punya kilang plastik yang berkenaan.

7. Memandangkan kebakaran yang berlaku di Perkampongan Berapit baru-baru ini di mana tekanan air pili bomba terlalu rendah dan keadaan yang sedemikian telah menjejaskan kerja menyelamat, adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula untuk mengadakan lebih banyak pili bomba di perkampungan yang kini padat dengan penduduk? Nyatakan juga jumlah pili bomba yang terdapat pada masa ini di Perkampongan Selamat, Seberang Perai Utara, Perkampongan Berapit, Perkampongan Permatang Tinggi, Perkampongan Valdor dan Perkampongan Jawi. Nyatakan juga tempoh lamamana pihak bomba menjalankan kerja untuk memeriksa fungsi pili bomba berkenaan.

8. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bagan Ajam, Butterworth melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah meminta derma daripada guru-guru sekolah di negeri ini kerana rumah beliau dijilat api pada 19 September 1992? Adakah seorang pegawai kerajaan berhak melalui jabatan di mana mereka berkhidmat untuk meminta derma secara rasmi sekiranya mereka ditimpa malapetaka?

9. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa sebatang jalan bukit yang menghala ke Lot No. 190, 191 dan 195, Mukim 17, Seberang Perai Tengah telah dimusnahkan oleh pihak kuari Kua Sin Kheng? Apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan pihak pekebun kecil menggunakan jalan bukit berkenaan dengan selamat?

10. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memagar B.M.R.C. lebih tinggi lagi kerana setiap kali permainan bola diadakan di padang berkenaan, bola sentiasa keluar ke jalan di tepinya (Jalan Arumugam Pillai)? Keadaan sedemikian telah menjejas keselamatan pengguna jalan.

11. Kenapakah denda dan hukuman yang berjumlah $540,000 yang dianggar akan dikutip oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai boleh dimasukkan sebagai anggaran hasil bagi tahun 1993? Jika ya, adakah menjadi dasar bagi Majlis yang berkenaan menganggap kutipan daripada denda dan hukuman sebagai punca pendapatan utama? Adakah kuota dikenakan kepada setiap pegawai penguatkuasa untuk mengeluarkan saman supaya anggaran yang ditetapkan itu dapat dicapai?

12. Kenapakah pemohonan untuk pecah sempadan mengambil masa begitu lama untuk diselesaikan? Nyatakan juga pada masa kini masih terdapat berapa permohonan di negeri ini yang sedang dalam proses dan berapa pula permohonan yang telah ditolak. Nyatakan juga tempat dan sebab ianya ditolak.

13. Berikan butir-butir berkenaan padang golf yang telah dan akan didirikan di negeri ini. Berapakah keluasan kawasan yang telah digunakan untuk tujuan ini? Daripada jumlah tanah yang digunakan itu, berapa luaskah tanah kepunyaan swasta? Sekiranya kepunyaan swasta, berapa banyakkah purata pampasan yang dibayar bagi setiap hektar?

14. Sehingga sekarang, berapakah jumlah orang yang masih dalam senarai menunggu untuk mendapatkan rumah kos rendah Kerajaan? Daripada tahun 1990 sehingga sekarang, berapakah jumlah unit rumah kos rendah yang telah didirikan oleh Kerajaan dan oleh pemaju swasta? Kenapakah pemaju Bumiputera dapat kelonggaran untuk membina lebih unit dalam setiap hektar berbanding dengan pemaju bukan Bumiputera?

**III. Y.B. Encik Tan Loo Jit (Ahli Kawasan Batu Lanchang):**

1. Sejauh manakah taraf pelabuhan bebas cukai di Pulau Langkawi menjejaskan bidang pelancongan Negeri Pulau Pinang? Nyatakan kesannya dari segi hasil pendapatan dan bilangan pelancong dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini.

2. Adakah Akta Pemeliharaan *(Conservation Act)* akan diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri? Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa? Nyatakan butir-butir tentang bangunan dan tapak-tapak bersejarah yang dikenalpasti sebagai warisan sejarah di negeri ini.

3. Bagi mewujudkan sebuah masyarakat penyayang, adakah Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan sebuah Tabung Penyayang bagi orang-orang tua dan orang yang tidak boleh bekerja? Jika ya, beri butir-butir. Jika tidak, mengapa? Bagi tahun 1990, 1991 dan 1992, nyatakan jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada rumah-rumah orang tua, anak-anak yatim, orang-orang cacat dan lain-lain.

4. Selepas kerja-kerja mengubahsuai susunan lampu-lampu isyarat, tanda-tanda isyarat dan pelebaran sepanjang Jalan Jelutong, nyatakan sejauh manakah masalah kesesakan lalulintas telah diatasi. Jika tidak, apakah langkah-langkah tambahan yang akan diambil?

5. Adakah Kerajaan Negeri mengkaji semula keberkesanan jejantas-jejantas pejalan kaki di Negeri Pulau Pinang? Jika ya, apakah penemuannya?

IV. **Y.B. Encik Teoh Teik Huat (Ahli Kawasan Paya Terubong):**

1. Nyatakan jumlah wang dan peratusan sebenar yang digunakan setakat ini daripada Anggaran Pembangunan yang diperuntukkan dalam Belanjawan tahun 1992 bagi butiran berikut:-

(a) Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri;
(b) Pertanian;
(c) Parit dan Taliair;
(d) Kerja Raya;
(e) Haiwan;
(f) Hutan;
(g) Hal Ehwal Agama;
(h) Kebun Bunga;
(i) Luar Jangka.

Daripada jumlah sebenar yang dibelanjakan, nyatakan projek-projek yang dilaksanakan dan kos masing-masing.

2. Nyatakan sama ada terdapat sebarang projek rumah kos rendah dilancarkan dan dilaksanakan sejak bulan Januari 1991 sehingga hari ini oleh Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Jika ya, berikan butir-butir mengenai lokasi, jumlah unit, tarikh permulaan projek dan tarikh dijangka siap bagi setiap projek.

3. Nyatakan sama ada Fasa 4 dan 5 projek KOMTAR telah diswastakan. Jika ya, berikan butir-butir mengenai projek yang akan dilaksanakan, saiz keluasan tanah, harga jualan tanah, nama syarikat yang terlibat dan tarikh kerja binaan akan dimula dan dijangkakan siap.

4. Nyatakan jumlah permohonan oleh pelabur asing untuk menubuhkan kilang di Negeri Pulau Pinang sejak bulan Januari 1991 sehingga hari ini. Daripada jumlah permohonan ini berapakah yang telah diluluskan dan berapa ditolak? Berikan sebab-sebab permohonan ditolak. Daripada jumlah yang diluluskan, nyatakan jenis industri, jumlah wang yang dilabur dan berapakah yang sebenarnya telah memulakan operasi.

5. Nyatakan nama kilang-kilang di Pulau Pinang yang menyimpan sisa-sisa toksid industri di premis kilang mereka dengan memberikan jumlah dan jenis sisa toksid yang disimpan setakat ini. Bilakah stesen untuk memindahkan sisa-sisa toksid ini akan dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dengan memberikan lokasinya?

6. Nyatakan jumlah tunggakan yang dihutang kepada Kerajaan Negeri sehingga sekarang untuk yang berikut:-

(a) sewa dan ansuran rumah kos rendah;

(b) cukai tanah dengan memberikan angka pecahan bagi tuan punya tanah persendirian, syarikat-syarikat, agensi-agensi Kerajaan dan badan berkanun masing-masing;

(c) pinjaman pelajaran

Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengutip balik tunggakan tersebut dan adakah tindakan yang telah diambil berkesan? Jika tidak, apakah tindakan lain yang baru akan diambil?

7. Nyatakan:-

(a) jumlah perjalanan ke luar negeri oleh Y.A.B. Ketua Menteri sejak dilantik sebagai Ketua Menteri hingga ke hari ini dengan memberikan tarikh, destinasi, tujuan dan kos perjalanan serta orang-orang yang turut serta bersama beliau ke luar negeri;

(b) jumlah perjalanan ke luar negeri oleh Ahli MMK serta Ahli Majlis Perbandaran sejak bulan Januari 1991 hingga ke hari ini dengan memberikan juga nama Ahli-ahli MMK dan Ahli-ahli Majlis Perbandaran, tarikh perjalanan, destinasi, tujuan dan kos perbelanjaannya masing-masing, jika ada;

(c) jumlah perjalanan ke luar negeri oleh pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai serta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sejak bulan Januari 1991 hingga ke hari ini dengan memberikan juga nama pegawai, tarikh, destinasi, tujuan dan kos perbelanjaan perjalanan masing-masing; dan

(d) sama ada mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan atau bekas Ketua Menteri ada mengambil rawatan di luar negeri sejak bulan Januari 1991 hingga ke hari ini. Jika ya, berikan nama anggota yang terlibat, negara, jenis rawatan yang diambil serta jumlah kos perbelanjaan rawatan yang terlibat masing-masing.

8. Nyatakan sama ada benar bahawa dua buah kereta baru telah dipesan oleh Kerajaan Negeri untuk kegunaan Y.A.B. Ketua Menteri dan Timbalannya. Jika ya, nyatakan jenis dan model dan amaun yang dibayar untuk kereta-kereta ini.

9. Nyatakan jumlah tanah yang diambilbalik oleh Kerajaan Negeri daripada tuan punya tanah persendirian dan syarikat sejak bulan Januari 1991 hingga ke hari ini dengan memberikan lokasi tanah, saiz, harga dibayar dan tujuan tanah tersebut diambil oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

10. Nyatakan sama ada faedah dikenakan ke atas baki $26 juta yang akan dibayar dalam jangka masa 7 tahun bagi pembelian Penang Shipping Corporation (PSC) oleh Syarikat Business Focus Sdn. Bhd. daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Jika ya, berikan kadar faedah yang dikenakan dan jika tidak, mengapakah faedah tidak dikenakan.

11. Memandangkan kenyataan bahawa 11 laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang diserahkan dari Pulau Pinang telahpun ditolak oleh Pejabat Alam Sekitar, sila berikan butir-butir lengkap mengenai projek yang mana laporan EIAnya ditolak oleh Jabatan Alam Sekitar.

12. Nyatakan:-

(a) lokasi sebenar yang dicadangkan bagi tujuan membina lapangan terbang kawasan utara;

(b) sama ada kajian *feasible* sudah bermula. Jika ya, bila kajian ini dimulakan dan tarikh dijangka siap;

(c) berapa wang telah diperuntukkan untuk kajian tersebut;

(d) bila kerja-kerja untuk membina lapangan terbang ini dijangka akan bermula dan bila akan disiap; dan

(e) berapakah anggaran kos perbelanjaan untuk membina lapangan terbang ini.

13. Daripada 93 projek yang bernilai $12.4 billion di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang ditolak atau ditangguhkan seperti yang diumumkan oleh Y.B. Menteri Kewangan, adakah mana-mana projek di Pulau Pinang yang terlibat? Jika ya, berikan butir-butir mengenai projek serta jumlah kos yang terlibat.

14. Nyatakan:-

(a) sama ada kajian Kerajaan Negeri tentang pembangunan Bukit Bendera oleh pakar perunding tempatan sudah siap. Jika ya, berikan butir-butir mengenai kajian ini dan jika tidak, bila ia boleh disiapkan;

(b) berikan nama-nama pakar perunding tempatan yang terlibat dan jumlah wang diperuntukkan dalam kajian ini; dan

(c) bilakah pihak berkuasa Bukit Bendera akan ditubuhkan dan samada ada sesiapa yang dikenalpasti untuk mengetuai badan ini? Jika ada, berikan butir-butirnya.

15. Nyatakan:-

(a) nama orang-orang yang terlibat dalam menyediakan Pelan Tindakan Pelancongan;

(b) tarikh kerja-kerja projek untuk menyediakan pelan ini dimulakan dan bilakah pelan sebenar akan siap; dan

(c) kenapa Kerajaan Negeri mengambil masa hampir dua tahun untuk memulakan kerja-kerja pelan ini.

16. Nyatakan jumlah wang yang sebenarnya dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sejak bulan Januari 1991 hingga ke hari ini dalam mempertingkatkan pelancongan dan mewujudkan *product* pelancongan dengan memberikan jumlah wang yang dibelanjakan untuk setiap projek berkenaan dan juga beritahu apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan pelancongan bagi tahun 1993 dan 1994.

17. Memandangkan banyak lawatan ke luar negeri oleh Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan berapa kali serta tarikh-tarikh Y.A.B. Ketua Menteri tidak mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

18. Nyatakan tarikh Syarikat Qiwess memohon menukar kegunaan tanah seluas 12.5 ekar di Jalan Raja Uda, Butterworth kepada kawasan perindustrian dan di bawah nama siapakah permohonan penukaran itu dibuat dan bilakah Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan permohonan ini.

19. Nyatakan:-

(a) bilakah kem tahanan di Pulau Jerejak akan dipindahkan; dan

(b) sama ada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan UDA yang bertanggungjawab menyediakan pelan pembangunan Pulau Jerejak telah memulakan kerja. Jika ya, bilakah pelan ini akan disiapkan?

20. Memandangkan hakikat bahawa Sungai Pinang di pulau serta Sungai Perai, Sungai Juru dan Sungai Jawi di Seberang Perai telah dikelaskan sebagai sungai mati atau sungai yang teruk tercemar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri sehingga hari ini untuk memulih dan membersihkan sungai-sungai tersebut?

V. **Y.B. Encik Lim Hock Seng (Ahli Kawasan Mak Mandin):**

1. Berapa batangkah (atau kaki panjang) jalan tanah di kawasan-kawasan berikut yang belum ditarkan:-

    (a) Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Perai;

    (b) Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Mak Mandin;

    (c) Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Jermal.

    Bilakah Kerajaan akan mengetarnya?

2. Nyatakan projek-projek peruntukan khas bagi Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen yang telah dan akan dilaksanakan di kawasan Perai, Mak Mandin dan Bagan Jermal bagi tahun 1992.

3. Nyatakan jumlah hasil daripada denda kesalahan undang-undang kecil Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk tahun 1992. Sila beri butir-butir berkenaan pelbagai kesalahan dan amaun denda masing-masing.

4. Adakah Kerajaan boleh membenarkan pemaju perumahan menjalankan kerja-kerja pembinaan sebelum masalah pemindahan *(evacuation)* rumah setinggan selesai? Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pemaju perumahan sekiranya ia melanggar syarat tersebut?

5. Nyatakan butir-butir ruang tanah perindustrian yang masih belum ada pembeli (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang).

6. Nyatakan jumlah perbelanjaan yang terbabit dengan lawatan rombongan Majlis Perbandaran Seberang Perai ke Australia baru-baru ini.

**VI. Y.B. Encik Ong Hock Aun (Ahli Kawasan Ayer Itam):**

1. Siapakah yang ditugaskan mengutip sampah di 8 kawasan zon Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada tahun 1992? Sila beri butir-butir nama dan senarai pengarah syarikat.

2. Berapakah jumlah wang yang digunakan untuk menyeleng-gara lif-lif di rumah pangsa Padang Tembak pada setiap tahun mulai tahun 1982 hingga 1992? Sila beri butir-butir mengikut blok.

3. Berapakah jumlah wang kutipan penyelenggaraan (kod 6095) yang digunakan untuk elektrik dan air di rumah pangsa Padang Tembak pada setiap tahun mulai tahun 1982 hingga 1992?

4. (a) Berapakah bilangan anggota penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada masa sekarang?

   (b) Sila sebutkan cara biasa mereka dilantik dan dipecat.

   (c) Berikan senarai nama dan alamat kediaman mereka.

5. Berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk penyelenggaraan di rumah pangsa Padang Tembak pada setiap tahun mulai tahun 1982 hingga 1992?

6. Siapakah Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang bertugas pada tahun 1978 hingga 1990? Sila bekalkan senarai nama.

7. Berapakah jumlah kutipan sewa (kod 6095) di rumah pangsa Padang Tembak pada setiap tahun mulai tahun 1982 hingga 1992?

8. Berapakah jumlah ekor dan berat:-

(a) lembu;
(b) kambing;
(c) itek;
(d) ayam;
(e) babi

yang telah dimakan dan diguna oleh rakyat Pulau Pinang pada tahun 1991 di Pulau Pinang?

9. Adakah Kerajaan sedar bahawa jalan-jalan di kawasan perumahan Reservoir Garden, semua jalan di kawasan rumah pangsa Padang Tembak, sepanjang Jalan Tanjong Bungah dan jalan di kawasan Jalan Shaik Madar telah rosak dan banyak berlubang pada masa sekarang? Bilakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini?

10. (a) Berapakah jumlah topi penjaja yang telah dijual oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang kepada para penjaja di Pulau Pinang?

(b) Sehingga hari ini berapakah jumlah keuntungan yang telah diperolehi dalam penjualan topi ini?

(c) Siapakah yang ditugaskan untuk menjual topi penjaja?

(d) Adakah penjual topi penjaja ini mempunyai lesen daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk menjual topi berkenaan?

11. (a) Adakah Kerajaan sedar bahawa masalah pasir, simen kering cepat dan batu-batu kecil yang terdapat di simpang Reservoir Garden dengan Jalan Air Itam, kawasan bulatan Air Itam dekat Lai Lai Supermarket, simpang Jalan Thean Teik dengan Jalan Air Itam, simpang Kampong Baru Air Itam dengan Jalan Padang Tembak dan simpang Jalan Lim Lean Teng dengan Jalan Trengganu telah menjadi satu punca kemalangan kepada pemandu kereta motor dan kekotoran kepada penduduk yang tinggal berdekatan dengan tempat tersebut?

(b) Kenapakah Kerajaan enggan meningkatkan keindahan alam sekitar dan menjaga keselamatan orang ramai?

(c) Syarikat manakah yang bertanggungjawab atas keadaanini?

12. (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri yang sedia ada bagi kanak-kanak di Negeri Pulau Pinang untuk melahirkan lebih banyak "tiang negara" yang berguna pada masa akan datang?

(b) Berapakah jumlah wang yang telah disediakan untuk rancangan tersebut di atas pada tahun 1993?

13. (a) Adakah benar penghuni di premis No. 256 Jalan Brick Kiln, Pulau Pinang telah memohon untuk mengubahsuai bangunan di dalam premis tersebut?

(b) Jika ada, bilakah permohonan dibuat?

(c) Adakah permohonan lesen membuat makanan di premis tersebut telah dibuat?

(d) Bilakah lesen membuat makanan ini dilulus?

(e) Adakah lesen membuat makanan tersebut akan di-sambung pada tahun 1993 sekiranya keadaan premis ini tidak mematuhi Undang-undang Kecil (Establisymen Makanan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1991?

14. Apakah rancangan Kerajaan terhadap keruntuhan simen dari tiang simen dan dinding di Blok D rumah pangsa Padang Tembak?

15. (a) Mulai tahun 1986 hingga kini, 3 kemalangan industri yang melibatkan nyawa pekerja telah berlaku di kilang Malayawata Steel Bhd. di Prai. Apakah sebabnya?

(b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri atas kejadian yang telah membunuh beberapa orang pekerja kilang ini?

(c) Kilang tersebut telah diarah untuk memberi satu laporan kepada Kerajaan Negeri berhubung dengan kemalangan yang berlaku pada 21 Jun 1992. Apakah laporan yang diberi?

16. (a) Beberapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk memperindahkan jalan-jalan di Lebuh Pantai baru-baru ini?

(b) Berapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk membuat semula *divider* yang berada di tengah Jalan Dato' Keramat baru-baru ini?

17. (a) Adakah Kerajaan sedar bahawa penghuni di kawasan berdekatan premis 718-E, Jalan Balik Pulau, Air Itam dan premis di 794, 760, 759-A dan 759 Mukim 16, Air Itam, Pulau Pinang selalu menghadapi masalah gangguan bekalan air terutamanya pada masa semua orang mengguna air?

(b) Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini?

18. (a) Berapakah jumlah kemalangan jalanraya yang telah berlaku pada setiap bulan dalam tahun 1992 ini?

(b) Berapakah jumlah laporan kemalangan trafik yang telah dibuat dalam Negeri Pulau Pinang pada setiap bulan dalam tahun 1992 ini?

(c) Berapakah jumlah orang yang telah mati dalam kemalangan trafik di Pulau Pinang pada setiap bulan dalam tahun 1992 ini?

19. Bagaimanakah pekerja-pekerja murah di kilang-kilang Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas di Pulau Pinang boleh membantu negeri ini mencapai matlamat negeri maju dan berteknologi tinggi pada abad yang kedua puluh satu?

20 (a) Siapakah yang bertanggungjawab di atas pembaikan rumah yang dilanggar oleh kereta mengutip sampah Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada 26 Ogos 1992 di simpang Jalan Gopeng dengan Jalan Air Itam?

(b) Berapa orangkah yang terlibat dan cedera dalam kemalangan ini dan berapa pula yang telah meninggal dunia?

21. (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa rumah pangsa Padang Tembak Blok C telah menghadapi gangguan letrik selama 18 jam pada 3 Ogos 1992?

(b) Sila beritahu sebab-sebab gangguan letrik ini.

22. (a) Siapakah pengarahnya dan apakah nama syarikat yang mendapat lesen untuk menjalankan perniagaan dua "panggung wayang mini" di Jalan Aboo Siti dan di KOMTAR pada 13 Ogos 1992? Sila berikan butir-butir.

(b) Sejak tahun berapakah meréka diberi lesen tersebut?

23. (a) Berapakah jumlah rumah peranginan kepunyaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan di manakah lokasinya?

(b) Siapakah yang layak menyewanya?

(c) Berapakah sewa rumah peranginan tersebut?

## VII. Y.B. Encik Lim Kit Siang (Ahli Kawasan Padang Kota):

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri berikan butir-butir penuh tentang semua rancangan di bawah Projek Khas Perumahan Kos Rendah yang pada asalnya dijangkakan siap daripada tahun 1986 hingga 1989 dengan memberikan butir-butir berikut:-

(i) nama dan lokasi rancangan;

(ii) pemaju;

(iii) bilangan dan jenis unit dan kos bagi setiap jenis unit;

(iv) tarikh asal penyiapan;

(v) tarikh penyiapan sebenar, bilangan unit yang siap; jika belum siap, tarikh dijangkakan siap; dan

(vi) sebab-sebab kelewatan penyiapan?

2. Berikan senarai penuh projek-projek perumahan kos rendah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri atau agensi-agensi Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan butir-butir tentang bilangan unit, kos dan tarikh penyiapan (atau tarikh dijangkakan siap) bagi setiap rancangan.

3. Berikan angka mengenai kemalangan jalanraya di Negeri Pulau Pinang daripada bulan Januari hingga November 1992 dan angka bulanan bagi setiap kategori kemalangan jalanraya ini.

4. Berikan statistik mengenai kejadian jenayah di Negeri Pulau Pinang bagi lima tahun kebelakangan ini.

5. Nyatakah sama ada Kerajaan Negeri telah mengenalpasti tapak seluas 2,270 hektar di Seberang Perai Utara dekat ladang-ladang Bertam, Malakof dan Hock Seng bagi projek Lapangan Terbang Wilayah Utara yang baru. Jika benar, nyatakan mengapakah tanah-tanah itu diambilalih oleh PERDA bagi sebuah kawasan pusat bandar, perumahan dan perindustrian dan berikan butir-butir tentang pengambilan tanah oleh PERDA ini seperti tarikh, tujuan, pampasan dan lain-lain.

**VIII. Y.B. Encik Chow Kon Yeow (Ahli Kawasan Pengkalan Kota):**

1. Daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan bagi Negeri Pulau Pinang dalam tahun 1990 hingga 1992, berapa banyakkah yang masih belum dilaksanakan dan apakah sebabnya?

2. Nyatakan prestasi dan pencapaian Negeri Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Keenam.

3. Berikan butir-butir tentang projek-projek yang dikenalpasti untuk pelaksanaan di Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima yang masih belum disiapkan, sama ada ia masih dilaksanakan, dibatalkan atau ditangguhkan dan nyatakan sebab-sebab kelewatan bagi setiap projek yang terlibat ini.

4. Berapakah bilangan pemohon yang telah menandatangani surat perjanjian untuk membeli rumah kos rendah berharga $25,000.00 di bawah Pakej E, projek penswastaan perumahan kos rendah di Sungai Nibong?

5. Adakah Kerajaan Negeri menerima cadangan rasmi daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengenai sebuah Tabung Perumahan Kos Rendah? Jika ya, beri butir-butir.

6. Nyatakan status penyewa-penyewa rumah di atas Lot 587 dan 588 PB.23 Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut yang diambilalih oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan projek *Penang Island Traffic Dispersal Scheme* dan mengapakah sampai sekarang pihak berkuasa masih belum berhubung dengan penyewa-penyewa yang terlibat dan adakah penyewa-penyewa ini akan dikenakan sewa bulanan?

7. Senaraikan projek-projek kecil yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Timur Laut dan Barat Daya bagi tahun 1992 dan bagi setiap projek, nyatakan kos dan tujuannya.

8. Sejauh manakah penempatan semula penjaja-penjaja yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah mencapai matlamatnya? Nyatakan masalah-masalah yang masih dihadapi oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dalam perkara ini.

**IX. Y.B. Encik Phee Boon Poh (Ahli Kawasan Bagan Jermal):**

1. Sila beritahu kesemua pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah *Land Acquisition Act 1960* sejak 1 Januari 1986 hingga 31 Oktober 1992. Sila beri butir-butir:-

   (a) Tujuan pengambilan.

   (b) Tarikh pengambilan dan rujukan pengwartaan.

   (c) Nombor lot dan luas tanahnya.

   (d) Kegunaan tanah pada masa pengambilan tanah.

   (e) Tuanpunya tanah yang diambil.

   (f) Harga bayaran gantirugi kepada tuan tanah.

   (g) Tuan tanah yang tidak puashati dengan bayaran gantirugi, nyatakan tindakan yang diambil oleh mereka, berapa rayuan yang telah dihantar ke Mahkamah dan berapa rayuan telah dijelaskan oleh Mahkamah.

(h) Adakah kesemua tanah yang diambil ini dimajukan dan jikalau tidak mengapa? Apakah kemajuannya?

(i) Adakah Kerajaan sedia memberibalik tanah-tanah yang diambil untuk tujuan awam,tetapi belum dimaju dan tidak akan dimaju seperti cadangan asal kepada tuan tanah asal; dan

(j) Berapakah tanah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diberi kepada individu, agensi-agensi dan syarikat swasta untuk dimajukan?

2. Sila senaraikan agensi-agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah menggunakan tanah yang diambil di bawah *Land Acquisition Act, 1960* sejak 1 Januari 1986 sehingga 31 Oktober 1992. Sila beri butir-butir:-

(a) Tujuan pengambilan.

(b) Tarikh pengambilan dan rujukan pengwartaan.

(c) Nombor lot dan luas tanahnya.

(d) Kegunaan tanah pada masa pengambilan tanah.

(e) Adakah kesemua pengambilan tanah dimajukan? Jikalau tidak mengapa? Jikalau ada, apakah kemajuannya? Adakah selaras dengan tujuan asal?

(f) Adakah Kerajaan sedia memberi balik kepada tuan tanah, tanah-tanah yang diambil tetapi belum dimaju dan tidak akan dimaju sepertimana tujuan pengambilan?

3. Adakah benar atau tidak, Kerajaan Pulau Pinang akan swastakan *(corporatise)* kesemua kawasan perindustrian di negeri? Jikalau ya, sila beritahu:-

(a) Berapa kawasan perindustrian kerajaan yang ada sekarang dan berapa banyak yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan?

(b) Mengapa kawasan perindustrian terpaksa diswastakan?

(c) Adakah jabatan dan pihak berkuasa tidak dapat menguruskan kawasan perindustrian kerajaan dengan sempurna?

(d) Apakah tugas-tugas pengurusan dan kuasa yang akan diberi kepada pihak swasta *(Corporatised Authority)*?

(e) Sila beritahu kesemua bilangan kawasan perindustrian kerajaan Pulau Pinang dan luas tapaknya. Sila beri nama dan alamat kilang-kilang yang ada di semua tapak-tapak ini sekarang.

4. Bilakah Seksyen 4 dan Seksyen 8 diwartakan dan rujukannya kepada tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Pulau Batu Kawan? Nyatakan berapa banyak dan luasnya tanah yang diambil dan apakah tujuan pengambilan tanah di Pulau Batu Kawan ini.

5. Merujuk kepada projek skim perumahan kos rendah Taman Merak di atas Lot 489, 491, 493, 495 dan 497, Mukim 14, Seberang Perai Selatan, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah meluluskan pindaan dan tambahan bagi unit-unit berkenaan (Pelot 801- 815 dan 929- 941) pada 30 Mac 1991 setelah pemaju memberi jaminan bahawa harga jualan rumah teres kos rendah tidak berubah. Apakah harga jualan yang terjamin ini? Apakah perkembangan terbaru selepas pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai merujuk perkara ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui rujukan surat MPSP (18) dlm.40/5-74/150 bertarikh 29 Julai 1992?

6. Sila beritahu berapa banyakkah projek yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai pada tahun 1990, 1991 dan 1 Januari 1992 hingga sekarang. Sila beri butir-butir:-

(a) Tujuan projek.

(b) Nilai kontrak.

(c) Adakah sebutharga dipanggil dan jikalau tidak sebab-sebabnya.

(d) Sila asingkan syarikat yang dapat kontrak sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera.

(e) Tarikh memulakan kerja, tarikh dijangka siap dan tarikh siap bagi setiap kontrak;

(f) Jikalau tarikh siap tidak ikut jadual, mengapa dan berapa banyak denda diperolehi oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai?

7. Siapakah kontraktor-kontraktor atau syarikat yang mendapat tender untuk menjaga padang-padang letak kereta di Seberang Perai sejak 1988 hingga sekarang? Sila beri butir-butir:-

(a) Nama kawasan seperti zon.

(b) Adakah sebutharga dipanggil.

(c) Tempoh bagi sesuatu tender yang diberi.

(d) Nilai kontrak.

(e) Jumlah deposit dibayar kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai.

(f) Adakah bayaran kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai dibayar seperti dijadual dan kalau tidak, mengapa?

(g) Apakah tindakan diambil terhadap syarikat-syarikat yang tidak mengikuti syarat-syarat kontrak dan tidak menjelaskan bayaran kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai?

8. Pada tahun 1992, ada dua kilang asing di Kawasan Perindustrian Perai telah berhenti urusan berniaga. Sila beritahu:-

(a) Nama dan alamat kilang tersebut.

(b) Tarikh perniagaan/perindustrian ini ditamatkan.

(c) Berapa pekerja telah diberhentikan kerja.

(d) Banyak/jumlah tanggungan yang terhutang kepada institusi kewangan, E.P.F. dan SOCSO.

(e) Jumlah gaji yang terhutang kepada pekerja-pekerja.

(f) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang dan agensi-agensi kerajaan untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja yang terlibat ini.

(g) Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang supaya dapat mengawal keadaan seperti ini tidak berlaku lagi.

9. Pada bulan Oktober 1992, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menghantar satu rombongan melawat Australia. Sila beritahu:-

(a) Adakah lawatan rasmi Majlis Perbandaran Seberang Perai ini selaras dengan garis panduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan? Jikalau tidak, mengapa? Jikalau ada sila beri keterangan.

(b) Senarai setiap orang yang ada dalam rombongan ini dan beritahu adakah beliau secara rasmi atau hanya mengikut rombongan?

(c) Bagi yang secara rasmi dalam rombongan ini, sila beritahu tugas, jawatankuasa, tempoh perkhidmatan mereka di Majlis Perbandaran Seberang Perai, tempoh mereka dijangka akan berkhidmat di Majlis Perbandaran Seberang Perai dan adakah mereka pegawai atau Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai?

(d) Bagi yang tidak secara rasmi, apakah perhubongan mereka dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai?

(e) Berapa banyakkah pebelanjaan lawatan ini? Dari manakah peruntukan kewangan untuk perbelanjaan ini didapatkan?

(f) Bagi yang tidak secara rasmi adakah pebelanjaan dibayar oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai? Jikalau tidak, berapa banyakkah setiap peserta kena bayar dan kepada siapa?

(g) Sejak berlepas dari Majlis Perbandaran Seberang Perai ke Australia dan balik, apakah aturcara dan perkembangan?

(h) Apakah hasil yang akan didapati oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai selepas lawatan rasmi ke Australia ini?

(i) Adakah Ahli-ahli Majlis dan pegawai-pegawai memberi satu laporan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai? Apakah yang mereka dapat tengok dan belajar yang boleh memberi faedah kepada pembayar cukai Seberang Perai? Jikalau ada, sila beri salinan-salinannya.

(j) Adakah Kerajaan Tempatan Seberang Perai sedar bahawa lawatan ke Australia ini tidak berhasil dan bolehkah Kerajaan Tempatan memberi satu jaminan bahawa semua lawatan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai akan mengikut garispanduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

10. Nyatakan bilangan jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai pada masa kini. Berikan nama jawatankuasa-jawatankuasa tersebut, ahli-ahli yang menganggotainya dan fungsi jawatankuasa-jawatankuasa tersebut masing-masing.

11. Sejak pembinaan projek KOMTAR, sila beritahu berapa fasakah yang telah disiapkan? Berapa luaskah ruang yang telah disediakan untuk dijual dan disewa dan apakah baki yang tidak dapat dijual atau disewakan?

12. Berapa luaskah tanah yang diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk projek KOMTAR dan berapa luaskah yang telah dibina? Berapakah bayaran gantirugi kepada penghuni-penghuni dan tuan tanah yang terlibat dengan projek KOMTAR ini? Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambilbalik tanah untuk pembesaran projek KOMTAR ini atau adakah pengambilan tanah untuk projek KOMTAR sudah mencukupi?

13. Apakah pemkembangan terbaru cadangan untuk merampas Lot 1558 di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara oleh Kerajaan Pulau Pinang? Adakah Kerajaan sedar bahawa lot tersebut pada masa kini adalah tanah perkuburan orang Cina di Pulau Pinang? Jikalau Kerajaan terus mengambil tanah ini, apakah rancangan Kerajaan bagi kegunaan tanah ini?

14. Sekarang ini masih ada banyak rumah-rumah di tanah swasta yang tidak ada bekalan air, eletrik dan kemudahan telefon. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai langkah-langkah ataupun peraturan-peraturan untuk menolong mereka mendapatkan kemudahan asas kehidupan mereka? Jikalau ya, apakah langkah-langkah dan peraturan-peraturan itu? Jika tidak mengapa?

15. Sejak 1 November 1990 hingga sekarang, berapa kalikah Y.A.B. Ketua Menteri telah melawat negara asing? Sila beritahu bilangan peserta dalam setiap rombongan, nama dan jawatan masing-masing, tujuan lawatan dan jumlah perbelanjaan. Bagi yang bukan pegawai dan Ahli Mesyuarat Kerajaan, apakah perhubungan atau kaitan dengan Kerajaan dalam lawatan rombongan ke negara asing ini?

16. Pada 30 Julai 1992, satu rombongan rasmi dari Vietnam telah melawat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Apakah permohonan bantuan yang diminta oleh ketua rombongan, HE Lu Minh Chau? Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sedia mengambil peranan untuk menolong membuka tapak kawasan perindustrian bebas cukai? Jikalau ya, apakah langkah-langkah dan peranannya?

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memajukan satu kawasan untuk menyimpan sisa toksid di Bukit Minyak. Sila beritahu:-

(a) Dimanakah tapak kawasan ini?

(b) Bilakah tempat penyimpanan ini akan mula dibina?

(c) Adakah satu laporan alam sekitar dibuat? Jikalau ada apakah laporan E.I.A.? Adakah laporan ini bersetuju bahawa pembinaan tempat penyimpanan sisa toksid tidak akan membawa bencana kepada orang-orang awam di sekeliling tapak ini? Sila beri satu salinan laporan ini.

(d) Berapa banyakkah sisa toksid yang telah disimpan di kilang-kilang sekarang ini?

(e) Sila beri satu senarai lengkap sisa-sisa toksid yang kini terdapat di Negeri Pulau Pinang.

(f) Adakah Kerjaaan Pulau Pinang memberi kebenaran sisa-sisa toksid dari negeri lain disimpan di tapak penyimpanan sisa toksid di Bukit Minyak?

(g) Adakah sisa toksid yang disimpan di tapak ini untuk sementara atau jangka masa panjang?

(h) Adakah toksiditi sisa toksid ini merbahaya kepada pekerja-pekerja di tapak penyimpanan ini? Kalau ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjaga kesihatan pekerja-pekerja yang terlibat?

(i) Siapakah yang akan bertanggongjawab untuk kos mengurus tempat penyimpanan sisa toksid ini?

18. Jurutera Jabatan Kerja Raya dari Kerajaan Pusat baru-baru ini iaitu pada bulan Oktober 1992 telah dihantar untuk memeriksa Jambatan Merdeka dan Jambatan Tunku Abdul Rahman. Sila beritahu apakah laporannya? Adakah kedua-dua jambatan ini selamat digunakan? Jikalau kedua-dua jambatan ini ada masalah, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah lalulintas?

19. Sila beri satu senarai kawasan-kawasan simpanan air di Negeri Pulau Pinang. Berikan butir-butir:-

(a) Nombor lot dan luasnya.

(b) Banyaknya air yang dijangka dapat dikutip di setiap kawasan ini.

(c) Daripada 1 Januari 1991 hingga sekarang, adakah kawasan simpanan air diubah syarat kegunaannya? Jikalau ada, mengapa dan siapakah yang memberi kebenaran ini? Berikan nombor lot dan luasnya. Apakah cadangan kegunaan tanah tersebut selepas mendapat kebenaran bagi mengubah syarat kegunaan?

20. Adakah Kerajaan sedar mutu air paip telah menjadi buruk? Mengapakah kejadian ini terjadi? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak bekalan air untuk membersihkan air minum kepada orang ramai. Adakah kegunaan kimia-kimia untuk membersihkan air mempunyai hubung kait dengan kes sakit buah pinggang yangsedangbertambah?

21. Sila beritahu pada masa kini berapa peratuskah rumah yang belum mendapat bekalan air paip, eletrik dan talipon. Bagi meningkatkan mutu kehidupan mereka, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan?

22. Berapa banyakkah kes jenayah dan kemalangan di pulau dan di Seberang Perai sejak 1 Januari 1991 hingga 1992 mengikut bulan. Bagi kes jenayah sila asingkan mengikut kes dadah, samun, rogol, bunuh, lawan kongsi gelap dan *extortion.*

23. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap kepada keputusan mengambil balik tanah Batu Kawan Berhad di Pulau Batu Kawan, Tambun, Seberang Perai Selatan? Jika ya, sila beri butir-butir:-

(a) nombor lot-lot yang diambil dan luas bagi setiap lot.

(b) Tujuan pengambilannya.

(c) Pengambilan tanah ini untuk projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau untuk agensi-agensi kerajaan dan orang awam?

(d) Syarat kegunaan tanah dan apakah kegunaan tanah itu sekarang?

(e) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mula memajukan tanah seperti tujuan pengambilan selepas pengambilan tanah ini? Jika tidak, mengapa dan sila beritahu jadual kemajuannya.

(f) Jumlah bilangan pekerja-pekerja yang terlibat apabila pengambilan tanah Batu Kawan Berhad dikuatkuasakan.

(g) Jumlah bilangan penduduk-penduduk dan rumah kediaman yang terlibat apabila pengambilan tanah dikuatkuasakan.

(h) Senaraikan cara pembayaran gantirugi kepada pengambilan tanah Batu Kawan Berhad.

(i) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia menolong penduduk-penduduk dan pekerja-pekerja yang terlibat dengan pengambilan tanah Batu Kawan Berhad selepas pengambilan balik tanah tersebut?

24. Kawasan Perindustrian Mak Mandin selalu kekurangan bekalan elektrik dari semasa ke semasa. Pengeluaran/ urusniaga dan produksi terpaksa dihentikan. Adakah Kerajaan sedar bahawa perkara ini akan melambatkan pembangunan perindustrian Negeri Pulau Pinang? Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini?

25. Bagan Tuan Kechil, khasnya di Jalan Datuk Haji Mohd. Saad dan Jalan Pasar dan Jalan Jeti Lama selalu dibanjiri air apabila hujan. Adakah Kerajaan sedar bahawa peparitan di kawasan-kawasan ini dibina pada tahun lima pulohan dan tidak lagi sesuai? Adakah Kerajaan merancang untuk membina parit yang lebih besar untuk mengatasi masalah ini?

26. Selalunya apabila ada satu kebakaran yang besar, pihak Bomba menghadapi masalah kekurangan 'tekanan air'. Apakah yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini? Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa alatan-alatan yang digunakan oleh pihak Bomba ada kelemahannya dan tidak lengkap? Jikalau ya, adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk melengkapkan peralatan lawan api kepada pihak Bomba, khasnya di Butterworth dan Bukit Mertajam.

27. Kawasan perindustrian ada membayar cukai pintu. Apakah perkhidmatan yang diberi kepada mereka? Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa banyak kilang telah membuat aduan bahawa perkhidmatan kepada mereka tidak memuaskan dan terdapat banyak jalan yang tidak mempunyai lampu jalan terutamanya di kawasan perindustian MIEL, Mak Mandin?

**X. Y.B. Encik V. Muthusamy (Ahli Kawasan Perai):**

1. (a) Berapa banyakkah kedai tuak Kerajaan yang masih berfungsi di negeri ini? Berapakah yang telah ditutup?

   (b) Adakah semua tanah di mana kedai-kedai tuak dibina kepunyaan Kerajaan?

   (c) Apakah yang telah terjadi kepada tanah di mana kedai-kedai tuak telah ditutup, jika ada?

   (d) Jika ada, bolehkan Kerajaan memperuntukkan tanah-tanah tersebut kepada kaum India?

**XI. Y.B. Encik K. Balasundaram (Ahli Kawasan Datuk Keramat):**

1. (a) 3 lot tanah di Pesiaran Perak, Georgetown, kepunyaan Syarikat Nusantara Pulau Pinang Sdn. Bhd. telah dilelong baru-baru ini oleh Mahkamah Tinggi untuk harga M$ 14 juta. Memandangkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memiliki ekuiti 30% dalam syarikat ini, apakah kerugian yang dialami oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan mengkaji semula penyertaannya dalam syarikat ini?

   (b) Apakah keistimewaan khas yang telah diberi kepada syarikat ini oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Kerajaan Negeri dari segi kelulusan perancangan dan lain-lain memandangkan Syarikat Nusantara adalah sebuah syarikat Bumiputera yang mempunyai penyertaan UMNO dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang?

2. Majlis Tanah Kebangsaan telah mengarah semua pihak berkuasa negeri untuk memproses semua perkara tanah dalam tempoh 44 minggu daripada tarikh penerimaan permohonan. Adakah Pejabat Tanah dalam keadaan untuk mematuhi arahan ini? Sekiranya tidak, apakah sebab-sebabnya? Sekiranya ya, bolehkah Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa arahan Majlis Tanah Kebangsaan akan dikuatkuasakan dengan serta-merta?

3. Berapakah bilangan pelaburan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam dua tahun kebelakangan ini? Sila nyatakan butir-butir berikut:-

   (a) jumlah pelaburan yang terlibat;

   (b) industri atau jenis atau aktiviti yang terlibat;

   (c) jumlah pekerja yang diperlukan;

   (d) jumlah pekerja mahir yang diperlukan;

   (e) di mana letaknya pelaburan baru ini;

   (f) negara mana yang terlibat dan jumlah pelaburan untuk tiap-tiap negara; dan

(g) bilangan pelabur yang sudah memulakan operasi mereka atau dalam proses memulakan dan jumlah pelaburan tersebut?

4. Apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai pembinaan padang golf di negeri ini? Sila nyatakan jumlah permohonan untuk membina padang golf yang telah diterima dalam dua tahun kebelakangan ini dan bilangan yang telah diluluskan. Nyatakanjuga butir-butir berikut untuk tiap-tiap projek:-

(a) nama pengusaha;

(b) sama ada orang/syarikat asing atau tempatan;

(c) di mana letaknya projek dan lot-lot tanah yang terlibat dan luasnya;

(d) harga pembelian tanah;

(e) sama ada tanah kerajaan terlibat dan berapakah luasnya;

(f) sama ada melibatkan ubah syarat kegunaan tanah;

(g) sama ada agensi Kerajaan Negeri atau Pusat terlibat dalam syarikat pengusaha;

(h) sama ada kelulusan atau sokongan Jabatan Alam Sekitar diperolehi dan jika ya, syarat-syarat yang dikenakan oleh jabatan tersebut; dan

(i) jumlah penduduk yang harus ditempatkan semula dan berapa daripada mereka terdiri dari Bumiputera.

5. Adakah Kerajaan Negeri telah membuat sebarang kajian terhadap pembinaan padang golf dalam negeri ini dan apakah kesan baik atau buruk yang akan berlaku dalam jangka masa pendek dan panjang?

6. Dinyatakan dalam "Pulau Pinang ke Abad 21" bahawa Pulau Pinang akan dijadikan pengkalan utama perikanan laut dalam. Sila nyatakan secara spesifik langkah-langkah yang akan diambil dan cara-cara yang akan digunakan untuk menjadikan hasrat ini sebagai satu kenyataan.

7. "Pulau Pinang ke Abad 21" mengatakanbahawa adalah menjadi hasrat untuk mempergiatkan semula Pulau Pinang sebagai satu pusat perkhidmatan dan perniagaan serantau. Berikutan dengan itu dicadangkan untuk menggalakkan beberapa sektor kecil memperluas dan mempertingkatkan perkhidmatan mereka. Bagi tiap-tiap sektor kecil tersebut, sila nyatakan secara spesifik apakah usaha-usaha, langkah-langkah, dan insentif-insentif yang akan diambil dan diberi.

8. Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan memajukan pelancongan alam sekitar dan bagaimanakah Kerajaan Negeri akan membantu industri pelancongan untuk memelihara dan memulihkan bangunan sejarah?

9. "Pulau Pinang Ke Abad 21" bercadang memperteguhkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Tebusguna tanah, penswastaan dan pelaburan dikenalpasti sebagai sumber kewangan yang baru. Sila nyatakan apakah aktiviti-aktiviti, jabatan-jabatan kerajaan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dicadang untuk diswastakan? Juga apakah pelaburan-pelaburan yang menarik perhatian Kerajaan Negeri? Dalam masa tiga tahun akan datang, berapakah jumlah kewangan baru yang boleh didapati oleh Kerajaan Negeri dengan menceburi bidang-bidang tebusguna tanah, penswastaan dan pelaburan?

**XII. Y.B. Encik Chin Kooi Thoon (Ahli Kawasan Jawi):**

1. (a) Adakah Kerajaan Negeri memperuntukkan tanah seluas 40 hektar lebih untuk tujuan pertanian di Tasek Glugor, Seberang Perai Utara?

   (b) Jika ya, apakah Kerajaan bercadang akan buat dan berapakah anggaran kos yang terlibat untuk memajukan kawasan ini?

2. (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa beberapa batang jalan kampung di Perkampongan Valdor dan Perkampongan Jawi telah berlubang dan tidak sesuai untuk digunakan?

   (b) Jika ya, jabatan manakah yang sepatutnya bertanggungjawab?

   (c) Kenapakah masalah ini tidak dianggap serius?

(d) Bilakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperbaiki semua jalan-jalan ini ataupun adakah akan membiarkan saja jalan-jalan ini terutamanya Jalan 2 dan Jalan 9 di Perkampongan Valdor?

3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan:-

(a) Berapakah kilang-kilang yang ditubuhkan selain daripada industri kecil dan sederhana di Pulau Pinang?

(i) Berikan bilangan kilang yang mempunyai pekerja antara 5 hingga 50 orang.

(ii) Bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk menolong meningkatkan sektor perkilangan?

(iii) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan atau langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini seperti memperuntukkan sekeping tanah di kawasan tertentu untuk tujuan membina kilang serta sokongan kewangan?

(iv) Jika ya, apakah rancangan tersebut?

4. (a) Berapakah keluasan tanah yang terlibat untuk tanaman sayur-sayuran bagi tahun 80an dan 90an?

(b) Jabatan manakah yang terlibat dalam membantu pekebun-pekebun ini?

(c) Adakah subsidi diberikan dan apakah bentuk subsidi tersebut?

(d) Berapa banyakkah sayur-sayuran yang diimport oleh Negeri Pulau Pinang dari luar negeri bagi tempoh 5 tahun yang lepas?

(i) Berikan kuantiti dalam metrik tan serta jumlah nilai importnya?

(ii) Adakah sayur-sayuran tempatan mencukupi bagi keperluan rakyat negeri ini bagi tempoh 5 tahun akan datang dan berapakah anggaran kuantiti yang diperlukan bagi setiap tahun?

(iii) Jika tidak mencukupi, apakah rancangan jangka panjang untuk mengatasi kekurangan ini?

5. (a) Berapakah keluasan tanah yang terlibat untuk penanaman padi?

(b) Daripada keluasan tersebut, berapa luaskah yang menguntungkan sejak tahun 80an?

(c) Adakah Kerajaan Negeri menolong petani yang kawasan penanaman padi mereka tidak menguntungkan untuk berubah kepada sektor lain yang lebih menguntungkan?

(i) Jika ya, apakah sektor yang dicadangkan dan berapakah peruntukan yang diberi?

(ii) Setakat ini, berapakah keluasan tanah yang telah diubah ke sektor lain?

6. (a) Berapa ramaikah orang-perseorangan dan syarikat yang terlibat dalam industri membela ikan dan udang (iaitu jenis air tawar, laut masin dan aqurium)? Berikan pembahagiannya.

(b) Berapakah hasil tangkapan mereka bagi tempoh 5 tahun yang lepas? Berikan pecahan setiap tahun.

(c) Berapakah peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Ke 5 untuk memajukan industri ini?

(d) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, berapakah peruntukan yang diminta oleh Kerajaan Negeri dan berapakah yang diluluskan khususnya bagi kaji selidik untuk meningkatkan prestasi industri ini?

(e) Adakah satu badan berkanun negeri dikhaskan untuk menjaga kebajikan dan meningkatkan prestasi serta mengawasi industri ini?

(f) Jika ya, berapakah bilangan pegawai dan pekerja yang terlibat dan bagaimanakah mereka dibantu?

7. Kerajaan Negeri pernah berjanji di Dewan yang mulia ini pada tahun 1990 bahawa ketiga-tiga batang jalan di Kampong Tonghai, Nibong Tebal akan diturap menjelang tahun 1991 tetapi setakat ini keadaannya masih sama malahan lebih buruk lagi. Bilakah Kerajaan Negeri akan menunaikanjanjinya?

8. Adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat sebatang jalan yang menyambungkan Jalan Lima Kongsi di Valdor ke Jalan Badak Mati di Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan?

(a) Jika ya, berapakah anggaran kos yang terlibat?

(b) Terdapat sebatang titi yang menyambungkan kedua-dua jalan tersebut. Titi itu terlalu merbahaya dan dibuat daripada kayu. Adakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan titi tersebut?

(i) Jika ya, bila dan berapakah anggaran kosnya?

9. (a) Sejak Yang DiPertua yang baru mengambilalih jawatan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, berapa kalikah mesyuarat penuh Ahli Lembaga *(Full Board Meeting)* telah diadakan?

(b) (i) Adakah benar Yang DiPertua Majlis Perbandaran tersebut sentiasa tidak hadir ke mesyuarat ini?

(ii) Jika benar, berapa kalikah daripada jumlah tersebut yang beliau tidak hadir?

10. (a) Adakah benar Kerajaan Negeri mengambilalih tanah kepunyaan "Gabungan Daerah Gotong Royong SPS Berhad" di Pulau Burung untuk tujuan pelupusan sisa Majlis Perbandaran Seberang Perai?

(b) Jika benar, berapakah keluasan tanah itu?

(c) Apakah nombor-nombor lot yang terlibat?

(d) Berapakah nilai seekar yang dibayar?

(e) Nyatakan jenis tanah ini sama ada tanah milik bebas (*freehold*) ataupun tanah pajakan (*leasehold*).

11. Pada 29 September 1992 ikan-ikan dijumpai mati di Sungai Perai.

(a) Adakah puncanya daripada pencemaran?

(b) Jika ya, bagaimanakah keadaan ini boleh berlaku memandangkan masalah pencemaran telah berkali-kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini?

12. (a) Adakah benar hutan lipur akan diwujudkan di Kolam Air Bukit Panchor, Nibong Tebal?

(b) Jika benar, adakah projek ini telah dimulakan?

(c) Berapakah anggaran kos yang terlibat untuk mengubahsuai kawasan tersebut?

13. Banjir merupakan satu masalah yang serius.

(a) Adakah Kerajaan sedar bahawa ramai pelajar menghadapi masalah untuk ke sekolah terutamanya pelajar-pelajar Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam disebabkan hanya terdapat satu jalan sahaja?

(b) Adakah Kerajaan bercadang untuk membuka satu jalan baru iaitu yang menyambungkan Bukit Tengah dengan Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam?

14. (a) Mengenai masalah kebocoran gas beracun di Parit Buntar pada 15 Oktober 1992, adakah taman-taman perumahan dan pekan-pekan yang berhampiran terutamanya di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan terkena gas beracun itu?

(b) Berapakah jumlah syarikat yang mengeluarkan gas beracun di Pulau Pinang dan dimanakah letaknya?

(c) Adakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan syarikat-syarikat ini di suatu tempat yang jauh dari tempat kediaman?

(d) Jika ya, sebutkan di mana.

15. (a) Adakah kemungkinan berlaku pencemaran di kawasan rekreasi di Pulau Burung?

(b) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memeriksa buangan sisa-sisa toksid?

(c) Adakah pemeriksa-pemeriksa menjalani latihan yangrapi?

(d) Adakah kajian yang mendalam dibuat mengenai kehidupan laut yang terbiar di sekitar kawasan Pulau Burung ini?

16. (a) Berapakah jumlah pelabur asing dan tempatan yang melabur di Pulau Pinang dalam tempoh masa 1987 hingga 1991?

(b) Apakah jenis industri yang dilabur oleh mereka? Berikan pecahannya.

(c) Dari tahun 1989 hingga 1991, berapakah hasil eksport Negeri Pulau Pinang? Berikan pecahan jenis barang.

(d) Berapakah hasil eksport industri elektronik untuk kegunaan komputer, kegunaan rumahtangga dan telekomunikasi?

(e) (i) Berapa hasil eksport industri tekstil dan berapa peratuskah ianya daripada seluruh eksport?

(ii) Berapa peratuskah diekspot ke luar negeri, khasnya ke negara Jepun, Kesatuan Ekonomi Eropah dan Amerika Syarikat?

(b) Berapakah jumlah syarikat yang mengeluarkan gas beracun di Pulau Pinang dan dimanakah letaknya?

(c) Adakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan syarikat-syarikat ini di suatu tempat yang jauh dari tempat kediaman?

(d) Jika ya, sebutkan di mana.

15. (a) Adakah kemungkinan berlaku pencemaran di kawasan rekreasi di Pulau Burung?

(b) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memeriksa buangan sisa-sisa toksid?

(c) Adakah pemeriksa-pemeriksa menjalani latihan yang rapi?

(d) Adakah kajian yang mendalam dibuat mengenai kehidupan laut yang terbiar di sekitar kawasan Pulau Burung ini?

16. (a) Berapakah jumlah pelabur asing dan tempatan yang melabur di Pulau Pinang dalam tempoh masa 1987 hingga 1991?

(b) Apakah jenis industri yang dilabur oleh mereka? Berikan pecahannya.

(c) Dari tahun 1989 hingga 1991, berapakah hasil eksport Negeri Pulau Pinang? Berikan pecahan jenis barang.

(d) Berapakah hasil eksport industri elektronik untuk kegunaan komputer, kegunaan rumahtangga dan telekomunikasi?

(e) (i) Berapa hasil eksport industri tekstil dan berapa peratuskah ianya daripada seluruh eksport?

(ii) Berapa peratuskah diekspot ke luar negeri, khasnya ke negara Jepun, Kesatuan Ekonomi Eropah dan Amerika Syarikat?

